




جباٽن بليا دان سوکن

JABATAN BELIA DAN SUKAN  
KEMENTERIAN KEBUDAYAAN, BELIA DAN SUKAN  
NEGARA BRUNEI DARUSSALAM

# Laporan Aktiviti Kebeliaan & Kesukanan 2017



**CATATAN AKTIVITI KEBELIAAN DAN KESUKANAN  
JABATAN BELIA DAN SUKAN  
(JANUARI – MEI 2017)**

**JANUARI 2017**

**1. BRUNEI CLASSIC RIDE 2017**

**1(a). PELANCARAN BRUNEI CLASSIC RIDE**

Ahad, 8 Januari 2017 (Jalan Maulana, Kuala Belait)

- Tetamu Kehormat : Yang Mulia Awang Haji Haris bin Othman, Pegawai Daerah Belait.
- Keterangan : *Brunei Classic Ride 2017 merupakan anjuran Persekutuan Lumba Basikal dengan kerjasama Kementerian Kebudayaan, Belia dan Sukan.*

Kejohanan tersebut telah melalui tiga daerah yang bermula dari Daerah Belait, Daerah Tutong dan menuju Daerah Brunei dan Muara yang berakhir di hadapan Bangunan Tabung Amanah Islam Brunei (TAIB), Bandar Seri Begawan.

Antara lain tujuan kejohanan diadakan adalah untuk menghidupkan kembali lumba basikal yang pernah dianjurkan pada tahun 1960-an dan 1970-an di samping membudayakan aktiviti berbasikal kepada masyarakat. Kejohanan tersebut dipertandingkan dalam enam kategori iaitu Kategori Wanita Terbuka, Kategori Veteran, Kategori Master, Kategori Novice, Kategori Elite dan Kategori Team Classification.

- Penyertaan : Kejohanan telah disertai seramai 482 pelumba dari dalam dan luar negara seperti Malaysia, Indonesia dan Filipina.



## **1(b). PENYAMPAIAN HADIAH BRUNEI CLASSIC RIDE**

Ahad, 8 Januari 2017 (Yayasan Sultan Haji Hassanal Bolkiah)

- Tetamu Kehormat: Yang Berhormat Dato Seri Setia Awang Haji Mustappa bin Haji Sirat, Menteri Perhubungan.
- Keterangan : Kategori *Team Classification* dijuarai oleh Pasukan *Go For Gold* dari Republik Filipina. Naib juara ialah Pasukan *G530 Racing Team* dari Malaysia, manakala Pasukan *Bro's Cycling Project* dari Negara Brunei Darussalam mendapat tempat ketiga.  
Kategori *Elite* dijuarai oleh George Luis Oconer dari Republik Filipina, Nik Azwan Zulkifle dari Malaysia ditempat kedua dan Razif bin Salleh juga dari Malaysia menyandang tempat ketiga.  
Kategori *Novice* dijuarai oleh Ahmad Jawaahir bin Haji Johor, tempat kedua ialah Muhammad I'madi bin Abd Aziz dan tempat ketiga ialah Ahmad Rifa'ie bin Haji Johor yang mana kesemuanya dari Negara Brunei Darussalam.  
Kategori *Master* dijuarai oleh Zulkifle bin Ramli dari Indonesia, tempat kedua ialah Norhasmat bin Abdul Aziz dari Malaysia dan tempat ketiga ialah Muhammad Hafiz Wong bin Abdullah juga dari Malaysia.  
Kategori *Veteran* dijuarai oleh Nor Effandy bin Rosli, tempat kedua ialah Muhammad Rafi Raviandran dan ketiga ialah Tsen Yu Sang, kesemuanya dari Malaysia.  
Kategori Wanita Terbuka, Nurul Alissa binti Mohamad Azman menyandang tempat pertama, Nur Aisyah binti Mohamad Zubir ditempat kedua dan tempat ketiga ialah Nurul Suhada binti Zainal, ketiga-tiga pemenang juga dari Malaysia.



## **2. PERJUMPAAN YANG BERHORMAT PEHIN MENTERI KEBUDAYAAN, BELIA DAN SUKAN BERSAMA PERSATUAN-PERSATUAN BELIA**

Selasa, 17 Januari 2017 (Dewan Digadong, Bangunan Kementerian Kebudayaan, Belia dan Sukan)

- Hadir : Yang Berhormat Pehin Menteri Kebudayaan, Belia dan Sukan bersama 45 Persatuan-Persatuan Belia.
- Keterangan : Perjumpaan adalah sebagai satu inisiatif Kementerian Kebudayaan, Belia dan Sukan dalam mendekati Persatuan-Persatuan Belia untuk sama-sama berganding bahu dan mengorak langkah dalam pembangunan belia ke arah mencapai Wawasan Negara 2035. Perjumpaan seumpama ini juga memberikan ruang dan peluang kepada persatuan-persatuan belia bagi meluaskan jaringan rangka kerja (*networking*) dan *platform* untuk bertukar-tukar maklumat dan pandangan mengenai belia.

Di antara cadangan hasil perjumpaan tersebut ialah untuk menyediakan *Open Office* di Pusat Belia yang dibuka kepada semua persatuan-persatuan belia dalam memudahkan pengurusan; Direktori Persatuan Belia; Kalendar Belia; perjumpaan bersama belia; bantuan belia dan lain-lain mengenai pengurusan dan perancangan belia.



### **3. JENESYS 2016 YOUTH BADMINTON EXCHANGE PROGRAMME**

Isnin, 23 Januari 2017 (Lapangan Terbang Antarabangsa Brunei)

- Hadir : Yang Mulia Dato Paduka Dr. Haji Affendy bin Pehin Orang Kaya Saiful Mulok Dato Seri Paduka Haji Abidin, Setiausaha Tetap Kementerian Kebudayaan, Belia dan Sukan.
- Keterangan : Rombongan belia telah bertolak ke Tokyo, Jepun bagi menyertai *JENESYS 2016 Youth Badminton Exchange Programme* tajaan Negara Jepun yang telah diadakan pada 24 hingga 31 Januari 2017. Program bertujuan bagi mewujudkan persahabatan dan jaringan para belia dari segi perkongsian maklumat berhubung dengan budaya kehidupan social, kemasyarakatan, ekonomi dan perkembangan semasa, khususnya di antara Negara Brunei Darussalam dan Jepun.  
  
Disepanjang lapan hari program tersebut, para peserta telah diberikan syarahan mengenai Jepun termasuk polisi kerajaan Jepun, membuat lawatan-lawatan yang berkaitan dengan tema program, membuat kunjungan hormat kepada kerajaan Jepun, menghadiri bengkel, homestay bersama keluarga angkat dan sebagainya.
- Penyertaan : Seramai 15 orang belia terdiri daripada atlet-atlet badminton kebangsaan, ahli-ahli Persatuan Badminton Kebangsaan, Persatuan-Persatuan Belia dan Sukan, mahasiswa mahasiswi UBD, Kolej Universiti Perguruan Ugama Brunei, *University of Malaya*, penuntut-penuntut PPB, *Laksmana College of Business*, Politeknik Brunei dan *Institute of Brunei Technical Education*. Rombongan diketuai oleh Yang Mulia Dayang Norainah binti Haji Abd Hadi, Penolong Pekerja Kanan Belia dan Sukan di Jabatan Belia dan Sukan.



#### **4. PELANCARAN SKIM BOLASEPAK JABATAN BELIA DAN SUKAN**

Jumaat, 27 Januari 2017 (Kompleks Sukan Berakas)

- Hadir : Yang Mulia Haji Zafri bin Haji Mohamed, Pemangku Pengarah Belia dan Sukan.
- Keterangan : Pelancaran Skim Bolasepak Jabatan Belia dan Sukan berumur 10 – 12 tahun anjuran Unit Kejurulatihan dan Pembangunan Sukan, Jabatan Belia dan Sukan dengan kerjasama Persatuan Bolasepak Kebangsaan Brunei.

Skim Bolasepak Jabatan Belia dan Sukan telah pun lama wujud lebih kurang 25 tahun yang lalu dan merupakan inisiatif jabatan bagi melahirkan pemain-pemain baru dengan memberikan kefahaman asas khusus sukan bolasepak, secara praktikal dan secara tidak langsung program ini juga dapat mencungkil bakat kanak-kanak dan juga sebagai satu persediaan jangka masa panjang dalam pembangunan sukan bolasepak di negara ini.

Skim tersebut diadakan setiap hari Jumaat bermula pukul 7.30 pagi hingga 9.30 pagi di Padang B, Kompleks Sukan Berakas.



## **5. POST-MORTEM DAN PERJUMPAAN PESERTA RANCANGAN KAPAL BELIA ASIA TENGGARA DAN JEPUN KE-43, 2016**

Selasa, 31 Januari 2017 (Bilik Persidangan, Stadium Negara Hassanal Bolkiah)

- Hadir : Yang Mulia Dato Paduka Dr. Awang Haji Affendy bin Pehin Orang Kaya Saiful Mulok Dato Seri Paduka Haji Abidin, Setiausaha Tetap Kementerian Kebudayaan, Belia dan Sukan.
- Keterangan : *Post-Mortem* telah mendengarkan laporan ringkas kontinjen yang disampaikan oleh Yang Mulia Pengiran Kamal Ariffin bin Pengiran Haji Md. Yassin selaku Ketua Kontinjen Negara Brunei Darussalam Ke Rancangan Kapal Belia Asia Tenggara dan Jepun Ke-43 seperti negara-negara yang disinggahi (*Port of Call – Country Program*), Program/Aktiviti di dalam kapal (*Onboard Activities*), Laporan Post-Program Activity dan penyerahan buku laporan keseluruhan Program Rancangan Kapal Belia Asia Tenggara dan Jepun Ke-43, 2016 Negara Brunei Darussalam kepada Pemangku Pengarah Belia dan Sukan.



**6. MAJLIS PENYAMPAIAN PIN PENYERTAAN SUKAN OLIMPIK, RIO DE JANEIRO, BRAZIL 2016  
KEPADAT ALET KEBANGSAAN SUKAN OLAHRAGA DAN BADMINTON**  
Sabtu, 4 Februari 2017 (Bilik Hijau, Stadium Negara Hassanal Bolkiah)

Duli Yang Teramat Mulia Paduka Seri Pengiran Bendahara Seri Maharaja Permaisuru Pengiran Muda Haji Sufri Bolkiah ibni Al-Marhum Sultan Haji Omar 'Ali Saifuddien Sa'adul Khairi Waddien, Presiden Majlis Olimpik Kebangsaan Negara Brunei Darussalam (BDNOC) telah berkenan berangkat ke Majlis Penyampaian Pin Penyertaan Sukan Olimpik, Rio de Janeiro, Brazil 2016.

Turut hadir ialah Yang Berhormat Pehin Menteri Kebudayaan, Belia dan Sukan, Setiausaha Tetap, Timbalan Setiausaha Tetap serta ahli-ahli Majlis Olimpik Kebangsaan Negara Brunei Darussalam, ahli-ahli Jawatankuasa Pemilihan dan Penilaian Atlet Kebangsaan dan ahli-ahli Persatuan Sukan Kebangsaan.

- Keterangan : Duli Yang Teramat Mulia Presiden BDNOC berkenan menyampaikan Pin Olimpik Kepada Atlet Sukan Olahraga iaitu Mohd Fakhri bin Ismail dan Dayang Maizurah binti Abdul Rahim serta atlet Sukan Badminton, Jaspar Yu Woon Chai sebagai peringatan kepada penyertaan atlet ke Sukan Olimpik.

Pin Sukan Olimpik Rio 2016 telah dihantar oleh *International Olympic Committee* (IOC) kepada Majlis Olimpik Kebangsaan disetiap Negara termasuklah Majlis Olimpik Kebangsaan Negara Brunei Darussalam untuk mengadakan satu majlis yang sederhana bagi penyerahan pin penyertaan kepada atlet-atlet Sukan Olimpik Rio 2016.



## 7. PROGRAM BELIA CINTA TANAH AIR KALI KE-12, TAHUN 2017

### 7(a). PROGRAM DAN AKTIVITI

- Keterangan : Program Belia Cinta Tanah Air (PBCTA) merupakan anjuran bersama Kementerian Kebudayaan, Belia dan Sukan, Kementerian Hal Ehwal Dalam Negeri dan Kementerian Hal Ehwal Ugama Sempena Sambutan Ulang Tahun Hari Kebangsaan Negara Brunei Darussalam Kali Ke-33. Tujuan utama PBCTA adalah untuk meningkatkan nilai-nilai hidup beragama, berbangsa dan bernegara disamping meningkatkan lagi semangat kenegaraan dan kekitaan belia kepada masyarakat dan menyemarakkan semangat setia kawan, bergotong-royong dan saling bantu membantu diantara satu sama lain serta memupuk sifat kepimpinan dan kerja berpasukan dikalangan belia.
- Aktiviti : PBCTA telah dijalankan dalam beberapa aktiviti iaitu Menyertai Upacara Menaikkan Bendera Besar Sambutan Ulang Tahun Hari Kebangsaan Negara Brunei Darussalam Ke-33, Tahun 2017; Kerja Kemasyarakatan; Perkampongan Belia Cinta Tanah Air; Perarakkan Belia Cinta Tanah Air Di Bandarku Ceria; Menyertai Majlis Kesukuran Sambutan Ulang Tahun Hari Kebangsaan Negara Brunei Darussalam Ke-33 Tahun 2017; Menyertai Perbarisan Lalu Sambutan Ulang Tahun Hari Kebangsaan Negara Brunei Darussalam Ke-33 Tahun 2017; dan Majlis Penghargaan Program Belia Cinta Tanah Air Kali Ke-12.
- Penyertaan : Seramai 43 orang belia iaitu 25 orang lelaki dan 18 orang perempuan, berumur antara 18 hingga 30 tahun dari keempat-empat daerah telah menyertai program berkenaan.





## 7(b). MAJLIS PENGHARGAAN

Khamis, 23 Februari 2017 (Dewan Riadah, Pusat Belia, Bandar Seri Begawan)

- Hadir : Yang Mulia Dato Paduka Dr. Awang Haji Affendy bin Pehin Orang Kaya Saiful Mulok Dato Seri Paduka Haji Abidin, Setiausaha Tetap Kementerian Kebudayaan, Belia dan Sukan.
- Keterangan : Seramai 43 orang belia dari keempat-empat daerah telah menerima Sijil penghargaan bagi penyertaan mereka dalam Program Belia Cinta Tanah Air Kali Ke-12 Sempena Sambutan Ulang Tahun Hari Kebangsaan Negara Brunei Darussalam Ke-33 Tahun 2017.

Majlis turut memberikan sijil penghargaan kepada peserta lelaki contoh, Awang Mohamad Ridzwan bin Haji Moksin dan peserta perempuan contoh, Dayang Nurul Nadiah binti Radat.



## **8. PROGRAM JENESYS2016 ASEAN COMPOSITE 2<sup>ND</sup> BATCH – PEACE BUILDING EXCHANGE**

Isnin, 13 Februari 2017 (Lapangan Terbang Antarabangsa Brunei)

- Hadir : Yang Mulia Awang Haji Noor Jusmin bin Haji Abd Samad, Setiausaha Tetap Kementerian Kebudayaan, Belia dan Sukan.
- Keterangan : Program yang bertemakan Peace Building Exchange tersebut telah diadakan selama sembilan hari mulai 13 hingga 21 Februari 2017 di Tokyo, Jepun. Para peserta telah mengikuti beberapa aktiviti seperti orintasi, mendengarkan taklimat mengenai kebudayaan dan kesenian Jepun dan membuat lawatan ke Edo-Tokyo Museum dan Sensiji Temple. Rombongan juga membuat lawatan ke Hiroshima dan Nagasaki, di mana mereka telah dibawa melawat ke tempat-tempat bersejarah seperti Nagasaki Atomic Bomb Museum dan Hiroshima Peace Memorial Museum, membuat kunjungan ke sekolah-sekolah menengah dan berinteraksi dengan penuntut-penuntut Jepun, serta berpeluang untuk menyertai program homestay atau tinggal bersama keluarga angkat dan sebagainya.
- Penyertaan : Seramai 10 orang belia terdiri daripada penuntut dari beberapa Pusat Tingkatan Enam dan sekolah-sekolah menengah di semua daerah bersama Ketua Rombongan, Dayang Madihah Raneya binti Haji Paun.



## **9. KAYUHAN SEMANGAT HARI KEBANGSAAN 2017**

Ahad, 26 Februari 2017 (Taman Haji Sir Muda Omar 'Ali Saifuddien, Bandar Seri Begawan)

Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan Haji Hassanal Bolkiah Mu'izzaddin Waddaullah ibni Al-Marhum Sultan Haji Omar 'Ali Saifuddien Sa'adul Khairi Waddien, Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam telah berkenan berangkat menyertai acara Kayuhan Semangat Hari Kebangsaan 2017 pada 26 Februari 2017.

Turut berangkat ialah Duli Yang Teramat Mulia Paduka Seri Pengiran Muda Mahkota Pengiran Muda Haji Al-Muhtadee Billah, Menteri Kanan di Jabatan Perdana Menteri; Duli Yang Teramat Mulia Paduka Seri Pengiran Perdana Wazir Sahibul Himmah Wal-Waqar Pengiran Muda Mohamed Bolkiah; Yang Teramat Mulia Paduka Seri Duli Pengiran Muda 'Abdul Malik; Yang Teramat Mulia Paduka Seri Duli Pengiran Muda 'Abdul Wakeel; Yang Teramat Mulia Paduka Seri Pengiran Anak Puteri 'Azemah Ni'matul Bolkiah; dan Yang Teramat Mulia Paduka Seri Pengiran Anak Puteri Ameerah Wardatul Bolkiah.

- Keterangan: Kayuhan Semangat Hari Kebangsaan 2017 dianjurkan bersama oleh Kementerian Kebudayaan, Belia dan Sukan, Kementerian Hal Ehwal Dalam Negeri dan Kementerian Kesihatan dengan penglibatan beberapa kementerian lain serta Persekutuan Basikal Brunei Darussalam yang diadakan untuk memeriahkan lagi Sambutan Ulang Tahun Hari Kebangsaan yang ke-33 pada tahun ini.

Acara Kayuhan sejauh 16km tersebut telah meliputi jalan-jalan utama antaranya Jalan Sultan Omar 'Ali Saifuddien, Jalan Haji Basir, Jalan Kumbang Pasang, Jalan Perdana Menteri, Pusing Keliling Jalan Utama Berakas/Muara, Jalan Tasek, Jalan Kianggeh dan berakhir di Taman Haji Sir Muda Omar 'Ali Saifuddien.

Kebawah Duli Yang Maha Mulia kemudiannya berkenan menyaksikan perbarisan lalu daripada seramai 33 orang penunggang basikal bagi Acara Kayuhan 33km; 18 orang peserta Pekayuh Klasik; 33 orang peserta Basikal Fixie dan 33 orang peserta Basikal Kanak-Kanak. Nombor 33 berkenaan melambangkan Sambutan Ulang Tahun Hari Kebangsaan Negara Brunei Darussalam Ke-33 Tahun 2017.

Kebawah Duli Yang Maha Mulia juga berkenan menyaksikan lebih dekat lagi kemeriahian Bandarku Ceria dengan penglibatan orang ramai dari pelbagai peringkat umur dalam aktiviti seperti pameran, petak-petak jualan pelbagai jenis makanan dan minuman dan sebagainya.

- Penyertaan: Lebih daripada seribu orang penunggang basikal yang terdiri daripada orang ramai telah menyertai acara kayuhan tersebut.





**10. MAJLIS KHATAM AL-QURAN 33 KALI SEMPENA SAMBUTAN ULANG TAHUN HARI KEBANGSAAN NEGARA BRUNEI DARUSSALAM KE-33**

Khamis, 2 Mac 2017

**10(a). Daerah Brunei dan Muara**

- Tetamu Kehormat : Yang Berhormat Pehin Menteri Kebudayaan, Belia dan Sukan.
- Tempat : Masjid Suri Seri Begawan Raja Pengiran Anak Damit, Kampong Madang/Manggis.
- Penyertaan : Seramai 972 peserta lelaki dan perempuan terdiri daripada Pelatih Program Khidmat Bakti Negara, Pelatih Pusat Pembangunan Belia, Penuntut-Penuntut Institut Tahfiz Al-Quran Sultan Haji Hassanal Bolkiah, Mahasiswa Mahasiswa Institusi Pengajian Tinggi, Penuntut-Penuntut daripada Institusi Pendidikan Teknik Brunei, Penuntut-Penuntut Sekolah Menengah, Sekolah Ugama, Ahli-Ahli Persatuan Belia, Peserta Program Belia Cinta Tanah Air, Belia-Belia Majlis Perundingan Kampong, Qari dan Qariah Musabaqah Tilawatil Quran Belia Kebangsaan dan Alumni Program Pertukaran Belia Antarabangsa.



### **10(b). Daerah Belait**

- Tetamu Kehormat : Yang Mulia Awang Haji Marzuke bin Haji Mohsin, Pemangku Setiausaha Tetap Kementerian Pembangunan.
- Tempat : Masjid RPN Kampong Pandan.
- Penyertaan : Seramai 153 orang peserta lelaki dan perempuan terdiri daripada Pegawai dan Kakitangan Kerajaan, Penuntut-Penuntut daripada Institusi Pengajian Islam, Penuntut-Penuntut Institusi Pendidikan Teknik Brunei dan Penuntut-Penuntut Sekolah Menengah.



### **10(c). Daerah Tutong**

- Tetamu Kehormat : Yang Mulia Pengiran Dato Paduka Haji Bahrom bin Pengiran Haji Bahar, Timbalan Menteri Pendidikan.
- Tempat : Masjid Kampong Penanjing Tutong.
- Penyertaan : Seramai 123 orang peserta lelaki dan perempuan yang terdiri daripada Penuntut-Penuntut Sekolah Menengah, Penuntut-Penuntut Pusat Tingakatan Enam dan Ma'had Islam Brunei serta Ahli-Ahli Persatuan Belia.



## 10(d). Daerah Temburong

- Tetamu Kehormat : Yang Mulia Dato Paduka Dr. Haji Affendy bin Pehin Orang Kaya Saiful Mulok Dato Seri Paduka Haji Abidin, Setiausaha Tetap Kementerian Kebudayaan, Belia dan Sukan.
- Tempat : Masjid Utama Mohammad Salleh, Pekan Bangar, Temburong.
- Penyertaan : Seramai 295 orang peserta lelaki dan perempuan terdiri daripada Pelatih Program Khidmat Bakti Negara, Penuntut-Penuntut Sekolah Persediaan Arab dan Sekolah Ugama Pengiran Muda Mohd Bolkiah, Badan Kebajikan Guru-Guru Ugama dan Muslimah Masjid Bokok.



## **11. LARIAN BATON - BANGKIT BERSAMA/ THE RISING TOGETHER – BATON RUN**

Ahad, 5 Mac 2017 (Stadium Negara Hassanal Bolkiah dan Taman Haji Sir Muda Omar ‘Ali Saifuddien)

Duli Yang Teramat Mulia Paduka Seri Pengiran Bendahara Seri Maharaja Permaisluara Pengiran Muda Haji Sufri Bolkiah ibni Al-Marhum Sultan Haji Omar ‘Ali Saifuddien Sa’adul Khairi Waddien, Presiden Majlis Olimpik Kebangsaan Negara Brunei Darussalam (BDNOC) telah berkenan berangkat menyertai acara Larian Baton – Bangkit Bersama di Stadium Negara Hassanal Bolkiah, Berakas.

Turut hadir ialah Yang Berhormat Pehin Menteri Kebudayaan, Belia dan Sukan; Yang Berhormat Brigadier Jeneral Khairy Jamaluddin, Menteri Belia dan Sukan Malaysia beserta rombongan, Setiausaha-Setiausaha Tetap, Timbalan Setiausaha Tetap, duta-duta serta perwakilan negara-negara ASEAN di Negara Brunei Darussalam.

- Keterangan: Negara Brunei Darussalam telah diberikan penghormatan sebagai negara pertama menghoskan acara Larian Baton – Bangkit Bersama atau *The Rising Together – Baton Run* yang membawa semangat komuniti Asia Tenggara sempena temasya Sukan SEA Ke-29 yang akan berlangsung pada 19 hingga 31 Ogos 2017 dan Sukan Para ASEAN Ke-9, Kuala Lumpur 2017 yang akan berlangsung pada 17 hingga 23 September 2017.

Larian Baton – Bangkit Bersama juga meretasi kesemua negara-negara Asia Tenggara dan Timor Leste bermula dengan Negara Brunei Darussalam dan ianya merupakan inisiatif Kerajaan Malaysia buat julung-julung kalinya mengadakan Larian Baton bermula pada bulan Mac 2017 hingga Mei 2017. Larian sejauh hampir 7.5km telah melintasi jalan-jalan Bandarku Ceria bermula di Stadium Negara Hassanal Bolkiah, Berakas dan berakhir di Cendera Lambang Kenangan, Taman Haji Sir Muda Omar ‘Ali Saifuddien. Baton telah bertukar tangan di 7 *checkpoint* yang merupakan tempat-tempat ikonik dan terkenal di Bandar Seri Begawan iaitu Tugu Sukan SEA 1999, Jabatan Perdana Menteri, Perkampungan Sukan SEA 1999, Taman Jubli Perak, Bangunan Alat-Alat Kebesaran Diraja, Masjid Omar ‘Ali Saifuddien dan Mercu Dirgahayu 60.

Pembawa baton pula terdiri daripada atlet-atlet yang telah mencapai kecemerlangan di kejohanan sukan serantau iaitu atlet daripada Sukan Wushu, Lumba Basikal, Pencak Silat, Taekwando, Sepak Takraw, Boling Padang dan Olahraga. Disamping itu, seramai lebih 700 orang sukarelawan termasuk mereka yang berkeperluan khas turut membantu menjayakan acara Larian Baton yang terlibat sebagai *cheer groups* dan membuat persembahan-persembahan kebudayaan di Taman Haji Sir Muda Omar ‘Ali Saifuddien dan di ketujuh-tujuh checkpoint yang telah ditetapkan.

Selepas acara larian baton, satu Sidang Media Larian Baton – Bangkit Bersama telah diadakan dan dihadiri oleh Yang Berhormat Pehin Menteri Kebudayaan, Belia dan Sukan; Yang Berhormat Menteri Belia dan Sukan Malaysia; Pesuruhjaya Tinggi Malaysia ke Negara Brunei Darussalam; Setiausaha Tetap Kementerian Kebudayaan, Belia dan Sukan; Timbalan Ketua Setiausaha Kementerian Belia dan Sukan dan Pemangku Pengarah Belia dan Sukan.





**12. PROGRAM SPECIAL BATCH OF JAPAN-EAST ASIA NETWORK OF EXCHANGE FOR STUDENT AND YOUTHS (JENESYS) PROGRAM TO COMMEMORATE THE ASEAN 50<sup>TH</sup> ANNIVERSARY – THE FIRST ASEAN UNIVERSITY STUDENT COUNCIL UNION CONFERENCE**

Isnin, 13 Mac 2017 (Lapangan Terbang Antarabangsa Brunei)

- Hadir : Yang Mulia Pengiran Anak Md Sofian bin Pengiran Anak Haji Ibrahim, Pemangku Timbalan Pengarah Belia dan Sukan.
  - Keterangan : *Special Batch of JENESYS Program to Commemorate the ASEAN 50<sup>th</sup> Anniversary – The First ASEAN University Student Council Union Conference* telah diadakan selama Sembilan hari mulai 13 hingga 21 Mac 2017. Program yang bertemakan *Peace and Youth Leadership* tersebut antara lain bertujuan untuk mempromosikan kepimpinan belia serta kepentingan pendidikan, sosial, ekonomi dan budaya dalam ASEAN dan Jepun disamping dapat membincangkan unsur-unsur keamanan dan persefahaman dari sudut pandangan sejarah dan pengajaran yang dapat dipelajari daripadanya serta merangka pelan tindakan yang diterajui oleh para pelajar/belia untuk menghubungkan kesatuan-kesatuan majlis pelajar di negara-negara ASEAN dan menggalakkan interaksi ke atas pelbagai isu, perkembangan dan proses dalam ASEAN dan seterusnya.
- Rombongan tutut berpeluang untuk mengikuti beberapa aktiviti seperti orientasi, mendengarkan taklimat mengenai kebudayaan dan kesenian Jepun, membuat lawatan ke tempat-tempat bersejarah seperti *Hiroshima Peace Memorial Museum and Park*, *Itsukushima Shrine* di Pulau Miyajima, *Meiji Shrine* dan *Edo-Tokyo Museum*, membuat kunjungan ke Universiti Hiroshima dan sebagainya.
- Penyertaan : Seramai 15 orang belia terdiri daripada mahasiswa, mahasiswi dan graduan dari beberapa Institusi Pengajian Tinggi bersama seorang ketua rombongan dan seorang penyelia telah menyertai program tersebut.



**13. JENESYS 2016 OUTBOUND PROGRAM FOR JAPANESE SENIOR HIGH SCHOOL STUDENTS TO BRUNEI DARUSSALAM: TAMAGUCHI PREFECTURAL SHIMONOSEKI-NISHI HIGH SCHOOL, JAPAN**  
7-14 Mac 2017

- Satu rombongan dari Jepun yang diketuai oleh Mr. Tetsuro Azakami, Pengetua Sekolah Shimonoseki-Nishi, Jepun bersama 20 orang penuntut sekolah, 2 orang guru pengawas dan 2 orang penyelaras program dari *Japan International Exchange Centre* (JICE) telah membuat lawatan ke Negara Brunei Darussalam bagi program tersebut. Program lawatan kali ketiga ini adalah kelolaan dan tajaan sepenuhnya oleh Kerajaan Jepun melalui Kementerian Hal Ehwal Luar Negeri Jepun di bawah kelolaan JICE dengan hasrat untuk mendekatkan penuntut-penuntut Jepun mempelajari budaya Brunei Darussalam disamping bertukar-tukar pandangan dan maklumat dengan para belia dan penuntut di negara ini. Di antara perisian program lawatan rombongan ini adalah mengadakan kunjung hormat, lawatan ke sekolah-sekolah menengah, lawatan ke tempat-tempat menarik dan diakhiri dengan persembahan laporan dan penyampaian sijil.



#### **14. 45<sup>TH</sup> ASEAN YOUNG LEADERS TRAINING PROGRAM**

Isnin, 20 Mac 2017 (Lapangan Terbang Antarabangsa Brunei)

- Hadir : Yang Mulia Awang Haji Noor Jusmin bin Haji Abd Samad, Setiausaha Tetap Kementerian Kebudayaan, Belia dan Sukan.
- Keterangan : 45<sup>th</sup> ASEAN Young Leaders Training Program telah diadakan di Wilayah Yunnan dan Guangxi Zhuang, Republik Rakyat China mulai 20 Mac hingga 16 April 2017 anjuran All-China Youth Federation dengan tujuan untuk mengetengahkan hubungan dan persefahaman bersama antara belia Republik Rakyat China dengan negara-negara ASEAN.

Di antara program dan aktiviti adalah seperti menghadiri kuliah, memahami dan mempelajari mengenai kebudayaan dan kesenian Republik Rakyat China, menghadiri International Youth Camp bersama para penuntut universiti, membuat lawatan ke tempat-tempat bersejarah seperti Zhuang Cultural Village dan sebagainya. Mereka juga berkesempatan untuk lebih memahami tentang organisasi belia di China dan kerja belia serta turut didedahkan kepada pembangunan China dan peluang persahabatan dengan belia-belia China.

- Penyertaan : Seramai 6 orang belia terdiri daripada pemimpin-pemimpin belia dari pelbagai agensi termasuk persatuan-persatuan belia bersama Ketua Rombongan, Awangku Hussni bin Pengiran Hassan, Penolong Pegawai Perhubungan Awam, Kementerian Kebudayaan, Belia dan Sukan.



## **15. SUKAN KEBANGSAAN BRUNEI DARUSSALAM KE-3, 2017**

### **15(a). UPACARA PEMBUKAAN RASMI SKBD KE-3, 2017**

Sabtu, 25 Mac 2017 (Padang dan Balapan, Kompleks Sukan Negara Hassanal Bolkiah)

- Tetamu Kehormat : Yang Mulia Dato Paduka Awang Haji Mohamad Roselan bin Haji Mohamad Daud,  
Timbalan Menteri di Jabatan Perdana Menteri.
- Keterangan : Sukan Kebangsaan Brunei Darussalam (SKBD) Ke-3, 2017 dikelolakan oleh Kementerian Kebudayaan, Belia dan Sukan bersama Persatuan-Persatuan Sukan Kebangsaan Brunei Darussalam telah membuka tirainya dengan Upacara Pembukaan Rasmi mempertemukan hampir 1400 orang peserta, pegawai dan jurulatih dari 12 kontinjen iaitu kontinjen dari Daerah Brunei dan Muara, Daerah Belait, Daerah Tutong, Daerah Temburong, Majlis Sukan Angkatan Bersenjata Diraja Brunei, Majlis Sukan Polis Diraja Brunei, Institusi Pengajian (UBD, ITB, UNISSA, Politeknik, KUPUSB, IGS, Cosmopolitan, Micronet dan Kolej Laksmana), Gabungan Syarikat Telekomunikasi Brunei (AITI, TelBru, DST dan PCSB), Sekolah Sukan Brunei Darussalam, Gabungan Syarikat Minyak Brunei Shell, Syarikat Penerbangan Diraja Brunei dan Persatuan Bank-Bank Brunei dan juga pasukan jemputan iaitu Majlis Sukan Negeri Sabah, Majlis Sukan Negeri Sarawak dan Majlis Sukan Wilayah Persekutuan Labuan.

Kejohanan ini mempertandingkan sebanyak 8 acara sukan secara berkontinjen iaitu Badminton, Bola Jaring, Futsal, Lumba Basikal, Lumba Perahu, Olahraga, Sepak Takraw dan Tarik Kalat Tradisi. Sementara jumlah keseluruhan pingat yang menjadi rebutan kali ini adalah sebanyak 153 pingat iaitu 48 pingat emas, 48 pingat perak dan 57 pingat gangsa.

Tujuan penganjuran SKBD adalah untuk pembangunan dan perkembangan bakat-bakat atlet secara bersama melalui persaingan yang sihat kearah membentuk kecemerlangan dan kegemilangan sukan di Negara Brunei Darussalam serta meningkatkan lagi prestasi dan persaingan yang sihat bagi atlet-atlet negara disamping melatih persatuan sukan yang terlibat di dalam pengendalian sukan kebangsaan.



### **15(c). UPACARA PENUTUPAN RASMI SKBD KE-3, 2017**

Rabu, 29 Mac 2017 (Kompleks Sukan Tutong)

- Tetamu Kehormat : Yang Berhormat Pehin Menteri Kebudayaan, Belia dan Sukan.
- Keterangan : Kontinjen Daerah Brunei dan Muara (DBM) telah muncul juara keseluruhan Sukan Kebangsaan Brunei Darussalam (SKBD) Ke-3, 2017 dengan mengutip 34 pingat iaitu 14 pingat emas, 13 perak dan 7 gangsa. Sementara naib juara ialah Kontinjen Pasukan Majlis Sukan Polis Diraja Brunei (MS PDB) dengan kutipan 26 pingat iaitu 7 emas, 5 perak dan 14 gangsa. Kontinjen Daerah Belait pula muncul tempat ketiga dengan meraih 16 pingat iaitu 6 emas, 6 perak dan 4 gangsa.

Manakala Olahragawan Terbaik telah disandang oleh Awang Md. Noor Firdaus Ar-Rasyid dari Kontinjen Institut Pengajian Tinggi (IPT) yang berjaya mengutip 3 pingat emas. Bagi Olahragawati Terbaik pula disandang oleh WSGT2957 Dayang Alinawati binti Ali Akhbar dari Kontinjen MS PDB dengan merangkul 2 pingat emas dan 1 gangsa.

Penyertaan kontinjen-kontinjen SKBD telah dapat memeriahkan dan menyemarakkan lagi SKBD ini akan tetapi dalam waktu yang sama juga bertindak dalam sama-sama memajukan sukan tanah air ketahap yang lebih cemerlang.





**16. LAWATAN KERJA YANG BERHORMAT PEHIN MENTERI KEBUDAYAAN, BELIA DAN SUKAN KE JABATAN BELIA DAN SUKAN**

Selasa, 4 April 2017 (Pusat Belia, Bandar Seri Begawan)

- YB Pehin Menteri Kebudayaan, Belia dan Sukan telah diberikan penerangan ringkas mengenai Pusat Belia, Bandar Seri Begawan dan membuat lawatan ke fasiliti-fasiliti yang terdapat di Pusat Belia.



## **17. MAJLIS PENYAMPAIAN GANJARAN KEMENANGAN SKIM PENGGALAK KECEMERLANGAN SUKAN**

Sabtu, 8 April 2017 (Bilik VIP, Tingkat 1, Stadium Negara Hassanal Bolkiah, Berakas)

- Tetamu Kehormat : Yang Berhormat Pehin Menteri Kebudayaan, Belia dan Sukan.
- Keterangan : Seramai 6 orang atlet, 2 orang jurulatih, seorang penolong jurulatih dan 2 Persatuan Sukan Kebangsaan telah menerima Ganjaran Kemenangan Skim Penggalak Kecemerlangan Sukan. Penerima-penerima ini adalah atlet-atlet dari sukan sepak takraw dan lawan pedang yang telah Berjaya dan meraih pingat di 5<sup>th</sup> Asian Beach Games, Da Nang, Vietnam pada 24 September hingga 3 Oktober 2016 dan Southeast Asia Pacific Junior and Cadet Fencing Championship, Manila, Philippines pada 21 hingga 31 Mei 2016.



## **18. RIADAH BERBASIKAL DAERAH BELAIT 2017**

Ahad, 9 April 2017 (Menara Cendera Kenangan, Jalan Sungai, Kuala Belait)

- Hadir : Yang Berhormat Pehin Orang Kaya Indera Pahlawan Dato Seri Setia Awang Haji Suyoi bin Haji Othman, Menteri Pendidikan dan Yang Berhormat Pehin Menteri Kebudayaan, Belia dan Sukan
- Keterangan : Riadah Berbasikal Daerah Belait merupakan anjuran bersama Kementerian Kebudayaan, Belia dan Sukan dan Kementerian Hal Ehwal Dalam Negeri dengan kerjasama Persekutuan Basikal Negara Brunei Darussalam yang bermula dan berakhir di Menara Cendera Kenangan, Jalan Sungai, Kuala Belait.

Acara riadah tersebut adalah salah satu aktiviti yang julung kalinya diadakan yang merupakan kesinambungan daripada Riadah Berbasikal Keputeraan yang diadakan pada 14 Ogos 2016 yang lalu di Taman Haji Sir Muda Omar ‘Ali Saifuddien, Bandar Seri Begawan. Ianya juga bersempena dengan Kuala Belaitku Ceria. Acara riadah bertujuan untuk meningkatkan kesedaran masyarakat dan orang ramai akan pentingnya penjagaan kesihatan dengan mengamalkan kegiatan sukan secara berterusan.

Riadah Berbasikal telah melalui sekitar Bandar Belait sejauh 15km bermula dihadapan jalan Menara Cendera Kenangan dan melintasi Jalan Tengah, Jalan Singa Menteri, Jalan Pandan Lapan, Jalan Maulana, Jalan Carey, Jalan McKerron dan Jalan Sungai.



Disamping itu, Persekutuan Basikal Negara Brunei Darussalam turut mengadakan acara lumba basikal (Kriterium) yang dikenali sebagai *The Porsche Survivor Series* yang dikendalikan oleh *Cycletechno Events Management* melalui sepanjang jalan yang dikhatusukan pada perlumbaan tersebut. Sebanyak 4 kategori telah dipertandingkan iaitu Kategori Elit (Terbuka), Kategori Master, Kategori Novice dan Kategori Veteran.

Acara penyampaian hadiah kepada para pemenang telah disempurnakan oleh Yang Berhormat Pehin Menteri Kebudayaan, Belia dan Sukan dan Yang Berhormat Pehin Orang Kaya Indera Pahlawan Dato Seri Setia Awang Haji Suyoi bin Haji Othman, Menteri Pendidikan.

Pemenang keseluruhan dijuarai oleh Awang Abdul Hadrie bin Morsidi bagi Kategori Elit dengan catatan masa 2 jam 1 minit 46.02 saat. Manakala tempat kedua dimenangi oleh Awang Azmi bin Hadzid dan tempat ketiga ialah Awang Amiruddin bin Haji Mohammad Amit.

Bagi Kategori Master tempat pertama dimenangi oleh Awang Reduan bin Yusop, tempat kedua Awang Shahnon bin Haji Basman dan tempat ketiga ialah Awang Fahmi bin Ibrahim.

Pemenang pertama bagi Kategori Novice ialah Awang Ibrahim Kalel bin Abd Rahman, manakala Awang Khairul bin Mohidin ditempat kedua dan tempat ketiga ialah Awang Zal Dani bin Zainal Abidin.

Bagi Kategori Veteran pula dijuarai oleh Awang Rozaini bin Haji Ratu, tempat kedua ialah Awang Abdullah bin Asgar dan tempat ketiga ialah Awang Abdul Rahman bin Haji Mohammad.



**19. LAWATAN KERJA YANG BERHORMAT PEHIN MENTERI KEBUDAYAAN, BELIA DAN SUKAN KE JABATAN BELIA DAN SUKAN**

Rabu, 12 April 2017 (Stadium Negara Hassanal Bolkiah)

- YB Pehin Menteri Kebudayaan, Belia dan Sukan telah membuat lawatan kerja ke Stadium Negara Hassanal Bolkiah, Pusat Perubatan dan Penyelidikan Sukan, Harun Gym, Kolam Renang Anggerek Desa dan Taman Budiman.



## 20. RIADAH BERBASIKAL DAERAH TUTONG SEMPENA TUTONGKU CERIA

Ahad, 16 April 2017 (Pekan Tutong, Daerah Tutong)

- Hadir Sama : Yang Berhormat Dato Seri Setia Awang Haji Ali bin Haji Apong, Menteri Sumber-Sumber Utama dan Pelancongan dan Yang Berhormat Pehin Menteri Kebudayaan, Belia dan Sukan.
- Keterangan : Riadah Berbasikal sudah menjadi jenama ‘Sukan Untuk Masyarakat’ yang bertujuan untuk meningkatkan kesedaran masyarakat dan orang ramai akan pentingnya penjagaan kesihatan dengan mengamalkan kegiatan sukan secara berterusan anjuran bersama Kementerian Kebudayaan, Belia dan Sukan dan Kementerian Hal Ehwal Dalam Negeri dengan kerjasama Persekutuan Basikal Negara Brunei Darussalam.

Riadah Berbasikal telah melalui sekitar kawasan Pekan Tutong sejauh 16 kilometer bermula di hadapan Jeti Sungai Tutong dan akan melintasi Jalan Enchi Awang, Kampong Panchor Dulit, Kampong Panchor Papan, Lebuhraya Muara-Tutong, Bukit Bendera, Lebuhraya Tutong-Telisai menuju semula ke Jeti Sungai Tutong.



## **21. PERMUZAKARAHAN YANG BERHORMAT PEHIN MENTERI KEBUDAYAAN, BELIA DAN SUKAN BERSAMA PERSATUAN-PERSATUAN SUKAN KEBANGSAAN**

Selasa, 18 April 2017 (Dewan Digadong, Bangunan Kementerian Kebudayaan, Belia dan Sukan)

- Hadir : Yang Berhormat Pehin Menteri Kebudayaan, Belia dan Sukan.
- Keterangan : Yang Berhormat Pehin Menteri Kebudayaan, Belia dan Sukan telah mengadakan permuzakarahan bersama dengan 50 Persatuan-Persatuan Sukan Kebangsaan. Muzakarah tersebut memberikan ruang dan peluang kepada persatuan sukan bagi meluaskan jaringan rangka kerja dan platform untuk bertukar-tukar maklumat dan pandangan mengenai sukan.



**22. KURSUS CARDIOPULMONARY RESUSCITATION (CPR) DAN FIRST AID BAGI PEGAWAI DAN KAKITANGAN JABATAN BELIA DAN SUKAN, KEMENTERIAN KEBUDAYAAN, BELIA DAN SUKAN**  
Selasa, 25 April 2017 (Pusat Perubatan dan Penyelidikan Sukan, Stadium Negara Hassanal Bolkiah)

- Keterangan : Kursus CPR dan First Aid bagi pegawai dan kakitangan Jabatan Belia dan Sukan, Kementerian Kebudayaan, Belia dan Sukan yang dikendalikan oleh Dr. Haji Danish Zaheer bin Zaheeruddin, Pakar Perubatan Sukan dengan tujuan utama kursus tersebut diadakan adalah untuk membantu para peserta belajar mengenai pengetahuan asas pelaksanaan CPR dan First Aid bagi kegunaan semasa berhadapan dengan waktu-waktu kecemasan seperti sesak nafas, kecederaan dan sebagainya.

Kursus bermula pada 25 April 2017 dan akan diadakan pada setiap hari Selasa pukul 8.00 pagi di Bahagian Perubatan dan Penyelidikan Sukan, Stadium Negara Hassanal Bolkiah. Seramai 25 orang telah menyertai kursus berkenan.



**23. MAJLIS PENYERAHAN BENDERA NEGARA KEPADA KONTINJEN NEGARA BRUNEI DARUSSALAM KE 4TH ISLAMIC SOLIDARITY GAMES, BAKU, AZERBAIJAN 2017**

Selasa, 02 Mei 2017 (Bilik Hijau, Stadium Negara Hassanal Bolkiah, Berakas)

- Hadir : Yang Berhormat Pehin Menteri Kebudayaan, Belia dan Sukan.
- Keterangan : Negara Brunei Darussalam telah menghantar kontinjen bagi menyertai *4th Islamic Solidarity Games, Baku, Azerbaijan 2017* yang diadakan bermula pada 12 hingga 22 Mei 2017 bertempat di Baku, Azerbaijan.

Di majlis tersebut, sabda Duli Yang Teramat Mulia Paduka Seri Maharaja Permaisuru Pengiran Muda Haji Sufri Bolkiah ibni Al-Marhum Sultan Haji Omar 'Ali Saifuddien Sa'adul Khairi Waddien, Presiden Majlis Olimpik Kebangsaan Negara Brunei Darussalam telah disampaikan oleh Yang Berhormat Pehin Menteri Kebudayaan, Belia dan Sukan bagi atlet-atlet memberikan yang terbaik di dalam kejohanan tersebut.

Kontinjen negara telah menyertai sukan Olahraga bagi Acara 200 meter Lelaki dan sukan Karate bagi Acara Kumite 60 kilogram dengan dianggotai seramai 6 orang terdiri daripada Yang Mulia Kolonel (B) Pengiran Haji Zulkifli bin Pengiran Haji Ismail, *Chef de Mission* Kontinjen Negara Brunei Darussalam ke *4th Islamic Solidarity Games, Baku, Azerbaijan 2017* berserta dua orang atlet, dua orang jurulatih dan seorang pegawai urusetia.



## **24. RIADAH DAN KAYUHAN KELUARGA HARMONI**

Ahad, 7 Mei 2017 (Taman Haji Sir Muda Omar 'Ali Saifuddien)

Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan Haji Hassanal Bolkiah Mu'izzaddin Waddaulah ibni Al-Marhum Sultan Haji Omar 'Ali Saifuddien Sa'adul Khairi Waddien, Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam berkenan berangkat bercemar duli menyertai Riadah dan Kayuhan Keluarga Harmoni Sempena Sambutan Hari Keluarga Kebangsaan 2017.

Turut berangkat ialah Duli Yang Teramat Mulia Paduka Seri Pengiran Muda Mahkota Pengiran Muda Haji Al-Muhtadee Billah, Menteri Kanan di Jabatan Perdana Menteri; Duli Yang Teramat Mulia Paduka Seri Pengiran Perdana Wazir Sahibul Himmah Wal-Waqar Pengiran Muda Mohamed Bolkiah; Yang Teramat Mulia Paduka Seri Duli Pengiran Muda 'Abdul Wakeel dan Yang Teramat Mulia Paduka Seri Pengiran Anak Puteri Ameerah Wardatul Bolkiah.

- Keterangan/Aturcara:

Riadah dan Kayuhan Keluarga Harmoni 2017 adalah anjuran bersama oleh Kementerian Kebudayaan, Belia dan Sukan, Kementerian Hal Ehwal Dalam Negeri, Kementerian Hal Ehwal Ugama dan Kementerian Kesihatan dengan penglibatan semua kementerian lain serta Persekutuan Basikal Brunei Darussalam.

Acara Kayuhan sejauh 12 kilometer melalui jalan-jalan utama iaitu Jalan Pretty, Jalan Elizabeth Dua, Jalan Masjid Omar 'Ali Saifuddien, Jalan Kianggeh, Jalan Sekolah, Jalan Kumbang Pasang, Jalan Lapangan Terbang Lama, Jalan Muhibbah, Jalan Landasan Lama, Jalan Menteri Besar, Jalan Perdana Menteri, Jalan Raja Isteri Pengiran Anak Saleha dan berakhir di Taman Haji Sir Muda Omar 'Ali Saifuddien melimpasi beberapa buah bangunan ikonik seperti Masjid Sultan Omar Ali Saifuddien, Dermaga, Bangunan Lapau, Pusat Belia, Bangunan Jabatan Perdana Menteri, Bangunan Alat Kebesaran Diraja dan Bangunan Sekteriat.

Kebawah Duli Yang Maha Mulia juga berkenan berangkat bercemar duli menyaksikan lebih dekat lagi kemeriahان Riadah Keluarga di Bandarku Ceria dengan berbagai jenis aktiviti mengikut kluster seperti kesukanan, keugamaan, keusahawanan, kemasyarakatan dan kewangan.

Kluster Kesukanan terdiri daripada Demonstrasi Sukan Tarik Kalat, Lumba Perahu, Lumba Basikal dan Pertunjukan Seni Bela Mempertahankan Diri (Martial Arts). Skim Seni Mempertahankan Diri juga telah membuat Pertunjukkan Seni Bela Mempertahankan Diri yang terdiri daripada sukan-sukan Wushu, Pencak Silat, Karatedo, Taekwando dan Kempo.

Disamping itu juga acara-acara kekeluargaan yang berbentuk *telematch* seperti meniup belon, menarik daun nipah, peraduan bowling kelapa juga diadakan yang diungkayahkan oleh Majlis Perundingan Mukim dan Kampung megikut zon-zon di Daerah Brunei Muara. Pertunjukan-pertunjukan seperti pertunjukan burung helang dan kakak tua serta pertandingan suara burung juga turut memeriahkan lagi keceriaan Riadah dan Keluarga Harmoni di Bandarku Ceria.





**25. KONTINJEN NEGARA BRUNEI DARUSSALAM BERLEPAS KE 4TH ISLAMIC SOLIDARITY GAMES,  
BAKU, AZERBAIJAN 2017**

Rabu, 10 Mei 2017 (Lapangan Terbang Antarabangsa Brunei)

- Hadir : Yang Mulia Awang Haji Noor Jusmin bin Haji Abd Samad, Setiausaha Tetap Kementerian Kebudayaan, Belia dan Sukan.
- Keterangan : *4th Islamic Solidarity Games* atau Sukan Perpaduan Islam Ke-4 telah diadakan pada 12 hingga 22 Mei 2017 dan ini adalah penyertaan negara kali ke-3 pada Sukan Perpaduan Islam.

Kontinjen negara telah menyertai 2 acara sukan iaitu sukan Olahraga bagi Acara 200 meter Lelaki dan sukan Karate bagi Acara Kumite 60 kilogram dan diketuai oleh Yang Mulia Kolonel (B) Pengiran Haji Zulkifli bin Pengiran Haji Ismail, *Chef de Mission* Kontinjen Negara Brunei Darussalam ke *4th Islamic Solidarity Games, Baku, Azerbaijan 2017*.



## **26. MUSABAQAH TILAWATIL QUR'AN BELIA KEBANGSAAN 1438H/2017M PERINGKAT AKHIR**

Khamis, 11 Mei 2017 (Dewan Digadong, Bangunan KKBS)

- Tetamu Kehormat: Yang Berhormat Pehin Menteri Kebudayaan, Belia dan Sukan.
- Keterangan : Pada tahun ini, seramai 101 penyertaan dari keempat-empat daerah telahpun diterima dan terdapatnya peningkatan dari segi penyertaan belia qari dan qariah berbanding dengan 98 peserta qari dan qariah pada tahun 2016 dan 77 peserta pada tahun 2015. Jumlah penyertaan lelaki ialah seramai 60 orang, manakala perempuan pula seramai 41 orang.

Seramai 10 orang peserta iaitu 4 orang Qari dan 4 orang Qariah yang terpilih di peringkat Separuh Akhir dan 2 orang johan menunggu (seorang Johan Qari dan seorang Johan Qariah pada Musabaqah Tilawatil Qur'an Belia Kebangsaan pada tahun 1437H/2016M) telah memperdengarkan bacaan di Musabaqah Tilawatil Qur'an Belia Kebangsaan Peringkat Akhir bagi tahun 1438H/2017M.

Awang Ahmad Zulwaqar bin Suhaili dan Dayangku Amal Zahirah binti Pengiran Haji Jofri masing-masing muncul johan qari dan qariah dengan menerima hadiah piala pusingan, piala irungan, wang tunai sebanyak BND\$2,000.00 dan sijil penyertaan.



## 27. PROGRAM PERTUKARAN JUDO – DEMONSTRASI JUDO

Selasa, 16 Mei 2017 (Stadium Tertutup, KSNHB)

- Hadir : Yang Mulia Awang Haji Noor Jusmin bin Haji Abd Samad, Setiausaha Tetap Kementerian Kebudayaan, Belia dan Sukan dan Puan Yang Terutama Madam Noriko Iki, Duta Besar Istimewa dan Mutlak Jepun ke Negara Brunei Darussalam.
- Keterangan : Program Pertukaran Judo di Negara Brunei Darussalam berupa Demonstrasi Judo anjuran Kedutaan Jepun di Negara Brunei Darussalam dengan kerjasama Kementerian Kebudayaan, Belia dan Sukan dan Kementerian Pendidikan telah disampaikan oleh *Japan Foundation Asia Center* dan *Kodokan Judo Institute* yang diketuai oleh Mr. Masaya Shimoyama, Pengarah Urusan, *The Japan Foundation Asia Center*. Manakala Demonstrasi Judo tersebut telah dipersembahkan oleh dua orang tenaga pengajar Judo dari *Kodokan Judo Institute* yang didatangkan oleh *Japan Foundation Asia Center* iaitu Mr. Chikara Kariya, Timbalan Pengurus, *International Department, Kodokan Judo Institute* dan Mr. Shusaku Kiryu, Staff, *Kodokan Judo Museum, Kodokan Judo Institute*.



دیمونسٹراسي جودو  
**DEMONSTRASI JUDO**



## **28. PROGRAM BELIA BERTAHLIL DI TANAH PERKUBURAN ORANG ORANG ISLAM, TUNJUK LANGIT, KAMPONG LUMAPAS 1438H/2017M**

Jumaat, 19 Mei 2017 (Tanah Perkuburan Islam, Tunjuk Langit, Kampong Lumapas)

- Hadir Sama : Pengarah-Pengarah Jabatan dan Bahagian-Bahagian di bawah Kementerian Kebudayaan, Belia dan Sukan; Penghulu Mukim Lumapas; ketua-ketua kampong serta penasihat-penasihat Majlis Perundingan Kampong Lumapas.
- Keterangan : Program anjuran Kementerian Kebudayaan, Belia dan Sukan dengan kerjasama Majlis Perundingan Kampong Lumapas dan Persatuan Belia Lumapas (PERLU) telah membersihkan tanah perkuburan dan membaca Surah Yassin, tahlil dan doa arwah beramai-ramai. Seramai lebih kurang 200 orang peserta belia terdiri daripada Persatuan-Persatuan Belia, Majlis Perundingan Kampong, penuntut-penuntut sekolah, Bekas Peserta Rancangan Kapal Belia Asia Tenggara dan Jepun, Bekas Peserta Program Khidmat Belia Negara, orang perseorangan dan para belia umumnya.



## 29. MAJLIS PENYAMPAIAN GANJARAN KEMENANGAN SKIM PENGGALAK KECEMERLANGAN SUKAN

Sabtu, 20 Mei 2017 (Dewan Digadong, Bangunan KKBS)

- Tetamu Kehormat: Yang Berhormat Pehin Menteri Kebudayaan, Belia dan Sukan.
- Keterangan : Seramai 77 orang atlet, 7 orang jurulatih, 12 orang penolong jurulatih dan 6 Persatuan Sukan Kebangsaan telah menerima Ganjaran Kemenangan Skim Penggalak Kecemerlangan Sukan (SPKS). Penerima-penerima ini adalah atlet-atlet dari sukan Wushu, Sepak Takraw, Pencak Silat, Bola Jaring, Boling Padang, Olahraga dan Tenpin Bowling yang telah berjaya dan meraih pingat di *8th Asian Junior Wushu Championship 2015* pada 6 hingga 9 Ogos 2015 di Inner Mongolia, China; *7th ASEAN School Games, Brunei 2015* pada 21 hingga 29 November 2015; *11th Asian Lawn Bowls Championships & 9th Asian U-25 Singles Championship 2016* pada 23 Januari hingga 1 Februari 2016 di Negara Brunei Darussalam; dan *8th ASEAN Paragames, Singapore 2015* pada 3 hingga 9 Disember 2015.



**30. UPACARA MENYAMBUT KEPULANGAN KONTINJEN NEGARA BRUNEI DARUSSALAM DARI 4TH ISLAMIC SOLIDARITY GAMES, BAKU, AZERBAIJAN 2017**

Rabu, 24 Mei 2017 (Lapangan Terbang Antarabangsa Brunei)

- Hadir : Yang Mulia Awang Haji Amer Hamzah bin Pehin Orang Kaya Amar Pahlawan Dato Seri Setia Awang Haji Zakaria, Pemangku Setiausaha Tetap Kementerian Kebudayaan, Belia dan Sukan.
- Keterangan : Seramai 6 orang ahli kontinjen negara yang terdiri daripada Yang Mulia Kolonel (B) Pengiran Haji Zulkifli bin Pengiran Haji Ismail, *Chef de Mission* Kontinjen Negara Brunei Darussalam beserta dua orang atlet, dua orang jurulatih dan seorang pegawai urusetia telah pulang ke tanahair selepas bertanding di *4th Islamic Solidarity Games, Baku, Azerbaijan 2017*.



### **31. PROGRAM AHLAN YA RAMADHAN TAHUN 1438H/2017M**

Khamis, 25 Mei 2017 (Dewan Riadah, Pusat Belia, Bandar Seri Begawan)

- Tetamu Kehormat: Yang Berhormat Pehin Menteri Kebudayaan, Belia dan Sukan.
- Keterangan : Program Ahlan Ya Ramadhan merupakan anjuran Kementerian Kebudayaan, Belia dan Sukan dengan kerjasama Majlis Belia Brunei yang bertujuan untuk menyemarakkan lagi ketibaan bulan Ramadhan dalam kalangan generasi belia dengan aktiviti ilmiah dan kerohanian disamping melengkapkan para belia dengan ilmu pengetahuan mengenai tatacara dan adab di dalam menunaikan ibadah puasa di bulan Ramadhan dengan sempurna. Program ini adalah pembuka kepada projek-projek agama kebeliaan di bulan Ramadhan seperti Program Bertahlil di Tanah Perkuburan Orang-Orang Islam di Daerah-Daerah, Program Kembara Amal Ramadhan KKBS, Majlis Bertahlil Di Kubah Makam Diraja, Majlis Perhimpunan Bertadarus Al-Qur'an Belia Senegara, Majlis Pertemuan Belia dan Kepimpinan Belia Bulan Ramadhan dan Program Beriktitikaf, Qiyamulail, Tazkirah Subuh Bagi Belia dan Jalinan Kasih Belia.
- Keramaian : Seramai lebih 200 orang belia yang terdiri daripada ahli-ahli persatuan belia, Program Khidmat Bakti Negara, Pusat Pembangunan Belia, mahasiswa institusi-institusi pengajian tinggi, penuntut-penuntut sekolah, Alumni/bekas-bekas peserta Program Pertukaran Belia Antarabangsa seperti Rancangan Kapal Belia Asia Tenggara dan Jepun, *Japan-East Asia Network of Exchange For Student and Youths (JENESYS)*, *Singapore-Brunei Youth Leaders Exchange Programme (SBYLEP)* dan lain-lain.



## **32. ROMBONGAN BELIA BERTADARUS AL-QUR'AN DI ISTANA NURUL IMAN**

Selasa, 30 Mei 2017 (Istana Nurul Iman)

- Hadir : Yang Berhormat Pehin Menteri Kebudayaan, Belia dan Sukan.
- Keramaian : Seramai 150 belia terlibat yang terdiri daripada belia-belia masjid; Kumpulan Qari Musabaqah Tilawatil Qur'an Belia Kebangsaan; bekas peserta Program Belia Cinta Tanah Air; ahli Khidmat dan Qasidah Pusat Belia; bekas peserta Rancangan Kapal Belia Asia Tenggara 2014 dan 2016; Persatuan-persatuan belia; Alumni Program Khidmat Bakti Negara; bekas peserta Program Pertukaran Belia Negara Brunei Darussalam dan Republik Korea dan peserta belia umumnya.

Rombongan telah bersungkai dan sembahyang fardhu Mahgrib di Perkampungan Sukan sebelum bertolak ke Istana Nurul Iman. Program termasuk sembahyang fardhu Isyak, sembahyang Tarawih dan bertadarus di Istana Nurul Iman.



**LAPORAN PROGRAM BELIA DAN SUKAN  
JABATAN BELIA DAN SUKAN  
(JUN - NOVEMBER 2017)**

**JUN 2017**

**1. PROGRAM KEMBARA AMAL RAMADHAN KEMENTERIAN KEBUDAYAAN, BELIA DAN SUKAN**

**• Daerah Temburong**

- Tetamu Kehormat: Yang Berhormat Awang Haji Emran bin Haji Sabtu,  
Ahli Majlis Mesyuarat Negara selaku Penghulu Mukim Bokok.
- Tarikh : Selasa, 6 Jun 2017
- Tempat : Masjid Utama Mohammad Salleh
- Keramaian : Seramai 200 orang belia terlibat terdiri daripada Ahli-Ahli Jawatankuasa  
Takmir termasuk Kumpulan Belia Masjid, Biro Belia Majlis Perundingan  
Mukim dan Kampung, Persatuan-Persatuan Belia Daerah Temburong serta  
penuntut-penuntut sekolah dan penduduk kampong.
- Projek Amal : Bagi 14 buah keluarga di Daerah Temburong.



- **Daerah Belait**

- Tetamu Kehormat: Yang Mulia Awang Haji Noor Jusmin bin Haji Abdul Samad,  
Setiausaha Tetap Kementerian Kebudayaan, Belia dan Sukan
- Tarikh : Khamis, 8 Jun 2017
- Tempat : Masjid Kampung Sungai Teraban
- Keramaian : Seramai 180 orang belia terdiri daripada Ahli-Ahli Jawatankuasa Takmir  
Masjid, penuntut-penuntut sekolah menengah dan Pusat Tingkatan Enam,  
Jabatan Pengajian Islam, Sekolah Arab Daerah Belait, IBTE Kampus Jefri  
Bolkiah, Belait dan IBTE Kampus Sultan Bolkiah, Seria.
- Projek Amal : Bagi 10 buah keluarga di Daerah Belait.



- **Daerah Tutong**

- Tetamu Kehormat: Yang Berhormat Pehin Menteri Kebudayaan, Belia dan Sukan
- Tarikh : Sabtu, 10 Jun 2017
- Tempat : Masjid Pengiran Anak Haji Mohamed Alam Kampung Sengkarai Tutong.
- Keramaian : Seramai 200 orang belia terlibat terdiri daripada Ahli Jawatankuasa Takmir Masjid, persatuan-persatuan belia Daerah Tutong, Kumpulan Belia Masjid, penuntut-penuntut sekolah menengah dan penduduk-penduduk Kampung Sengkarai.
- Projek Amal : Bagi 4 buah keluarga di Daerah Tutong.



## **2. MAJLIS BERTAHLIL DI KUBAH MAKAM DIRAJA**

Rabu, 7 Jun 2017 (Kubah Makam Diraja)

- Hadir : Yang Berhormat Pehin Menteri Kebudayaan, Belia dan Sukan.
- Keramaian : Seramai 300 orang termasuk pegawai dan kakitangan Kementerian Kebudayaan, Belia dan Sukan dan Jabatan-Jabatan di bawahnya serta belia-belia terdiri daripada persatuan-persatuan belia, bekas peserta Program Belia Antarabangsa, Pusat Pembangunan Belia dan sebagainya.




### **3. MAJLIS PERHIMPUNAN BERTADARUS AL-QUR'AN BELIA SENEGERA 1438H/2017M**

Khamis, 15 Jun 2017 (Jame' 'Asr Hassanal Bolkiah dan Masjid Omar 'Ali Saifuddien)

Yang Teramat Mulia Paduka Seri Duli Pengiran Muda 'Abdul Malik ibni Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan Haji Hassanal Bolkiah Mu'izzaddin Waddaulah dan Yang Teramat Mulia Paduka Seri Pengiran Anak Puteri Hajah Hafizah Sururul Bolkiah binti Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan Haji Hassanal Bolkiah Mu'izzaddin Waddaulah telah berkenan berangkat ke Majlis Perhimpunan Bertadarus Al-Qur'an Belia Senegara 1438H/2017M.

- Keterangan : Majlis Perhimpunan ini merupakan kali keenam diadakan bersempena dengan bulan Ramadhan yang Mubarak. Majlis telah diadakan di dua tempat iaitu Jame' 'Asr Hassanal Bolkiah bagi peserta lelaki dan Masjid Omar 'Ali Saifuddien bagi peserta perempuan. Aturcaranya dimulakan dengan bacaan Surah Al-Fatihah, diikuti dengan Majlis Khatam Al-Qur'an yang dikepalai oleh penuntut dari Institut Tahfiz Al-Qur'an Sultan Haji Hassanal Bolkiah (ITQSHHB) dan bacaan Takhtim serta Dikir Marhaban oleh Kumpulan Takhtim Universiti Islam Sultan Sharif Ali (UNISSA). Aturcara diteruskan dengan bacaan Doa Khatam dan Doa Allah Peliharakan Sultan oleh penuntut ITQSHHB dan diikuti dengan Sembahyang Fardhu Zuhur Berjemaah.
- Keramaian : Seramai 2000 belia dan 1070 beliawenis terlibat yang terdiri daripada agensi-agensi kerajaan dan swasta, persatuan-persatuan belia, para penuntut sekolah, alumni Program Khidmat Bakti Negara, qari dan qariah Musabaqah Tilawatil Qur'an Belia Kebangsaan, para sukarelawan, alumni program-program belia dan antarabangsa termasuk orang-orang perseorangan.





#### **4. MAJLIS PERTEMUAN BELIA DAN KEPIMPINAN BELIA BULAN RAMADHAN**

Isnin, 19 Jun 2017 (Masjid Kampung Beribi)

- Tetamu Kehormat : Yang Berhormat Pehin Menteri Kebudayaan, Belia dan Sukan.
- Keterangan : Kementerian Kebudayaan, Belia dan Sukan telah menganjurkan Pertemuan Belia dan Kempimpinan Belia bagi bulan Ramadhan 1438H. Pertemuan seumpama ini merupakan satu lagi inisiatif KKBS dalam menyatupadukan para belia dan kepimpinan belia selaras dengan misi 'Mencanai Masyarakat Cemerlang Yang Beragama, Berbudaya, Penyayang, Cerdas, Bersatu Padu, Dinamik dan Berwawasan'. Acara dimulakan dengan Forum 'Menghidupkan Jiwa dengan Al-Qur'an' yang dipengerusikan oleh Awang Mohd. Dzulhilmi bin Haji Berahim Pegawai Pelajaran Kementerian Pendidikan, diteruskan dengan bacaan Surah Yaasiin dan Tahlil yang dikepalai oleh Awang Haji Abidin bin Haji Metarsad, Imam Masjid Kampung Beribi dan disusuli dengan penyampaian sumbangan berbentuk kelengkapan daripada Alumni Program Belia Cinta Tanah Air untuk Masjid Kampung Beribi.
- Keramaian : Seramai 350 belia dan pemimpin belia terdiri daripada pelbagai latar belakang termasuk persatuan-persatuan belia, sukarelawan belia, bekas peserta Rancangan Kapal Belia Asia Tenggara, Alumni Program Belia Cinta Tanah Air dan Alumni Program Khidmat Bakti Negara.



**5. MAJLIS RAMAH MESRA MENTERI KEBUDAYAAN, BELIA DAN SUKAN DENGAN CALON-CALON PENERIMA ANUGERAH SEMPENA SAMBUTAN HARI BELIA KEBANGSAAN KE-12, 2017**

Sabtu, 29 Julai 2017 (Bilik VIP, Tingkat 1, Stadium Negara Hassanal Bolkiah)

- Hadir : Yang Berhormat Pehin Menteri Kebudayaan, Belia dan Sukan.
- Keterangan : Kementerian Kebudayaan, Belia dan Sukan (KKBS) buat julung kalinya telah mengadakan Majlis Ramah Mesra Yang Berhormat Pehin Menteri Kebudayaan, Belia dan Sukan dengan Calon-Calon Penerima Anugerah Sempena Sambutan Hari Belia Kebangsaan Ke-12, 2017.

Jauh dari itu mereka digelar Rakan Belia yang akan membantu KKBS membangun dan membina belia yang lain untuk kemajuan pesat menerusi bidang yang mereka mempunyai kompetensi dan kelebihan bersaing yang akan sama-sama melakar pelan tindakan, strategi dan program untuk faedah belia.



**6. MAJLIS SOLAT FARDHU MAGHRIB DAN ISYAK BERJEMAAH, BERTAHLIL SERTA DOA KESYUKURAN SEMPENA SAMBUTAN HARI BELIA KEBANGSAAN KE-12, 2017**

Isnin, 31 Julai 2017 (Masjid Pengiran Muda 'Abdul Mateen, Kampung Mulaut)

- Hadir : Yang Berhormat Pehin Menteri Kebudayaan, Belia dan Sukan.
- Keterangan : Majlis Solat Fardu Maghrib dan Isyak Berjemaah, Bertahlil serta Doa Kesyukuran telah diadakan bersempena dengan Sambutan Hari Belia Kebangsaan Ke-12 bagi tahun 2017.
- Penyertaan : Majlis disertai ahli-ahli Ahli-Ahli Jawatankuasa Tertinggi Takmir Masjid Pengiran Muda 'Abdul Mateen; penuntut-penuntut Pusat Tingkatan Enam Sengkurong; Alumni Program Khidmat Bakti Negara; Alumni Program Belia Cinta Tanah Air; Alumni Rancangan Kapal Belia Asia Tenggara dan Jepun; Persatuan-Persatuan Belia; penuntut-penuntut Institut Tahfiz Al-Qur'an Sultan Haji Hassanal Bolkiah (ITQSHHB); rekrut-rekrut Angkatan Bersenjata Diraja Brunei, Polis Diraja Brunei, Bomba dan Warder; ahli-ahli Kelab Pusat Belia; belia-belia masjid; Ahli Badan Sukarelawan Belia Daie Pusat Da'wah Islamiah; peserta-peserta Musabaqah Tilawatil Qur'an Belia Kebangsaan 1438H/2017M; dan penduduk sekitar Kampung Mulaut.



**7. MAJLIS SAMBUTAN HARI BELIA KEBANGSAAN KE-12, 2017**

Selasa, 01 Ogos 2017 (Dewan Plenari, Pusat Persidangan Antarabangsa, Berakas)

Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan Haji Hassanal Bolkiah Mu'izzaddin Waddaulah ibni Al-Marhum Sultan Haji Omar 'Ali Saifuddien Sa'adul Khairi Waddien, Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam berkenan berangkat ke Majlis Sambutan Hari Belia Kebangsaan Ke-12, 2017.

Berangkat sama ialah Duli Yang Teramat Mulia Paduka Seri Pengiran Muda Mahkota Pengiran Muda Haji Al-Muhtadee Billah, Menteri Kanan di Jabatan Perdana Menteri; Yang Teramat Mulia Paduka Seri Duli Pengiran Muda 'Abdul Malik; Duli Yang Teramat Mulia Paduka Seri Pengiran Perdana Wazir Sahibul Himmah Wal-Waqar Pengiran Muda Mohamed Bolkiah; Duli Yang Teramat Mulia Paduka Seri Pengiran Bendahara Seri Maharaja Permaisura Pengiran Muda Haji Sufri Bolkiah; dan Duli Yang Teramat Mulia Paduka Seri Pengiran Digadong Sahibul Mal Pengiran Muda Haji Jefri Bolkiah.

- Keterangan :

- Sambutan Hari Belia Kebangsaan 2017 bertemakan 'Belia Berdaya Usaha dan Berinovasi Menjayakan Wawasan Negara' adalah untuk menyebarkan harapan kepada belia peri mustahaknya belia siap siaga untuk menjadi rakyat yang berpendidikan, berkemahiran tinggi dan berjaya; menyumbang kepada langkah-langkah menwujudkan kehidupan rakyat yang berkualiti; dan menyertai dalam menjana ekonomi yang dinamik dan berdaya tahan, sebagaimana matlamat Wawasan Negara 2035.
- Sambutan Hari Belia Kebangsaan 2017 telah diadakan di Pusat Persidangan Antarabangsa, bagi acara Perhimpunan Ramah Mesra Belia dan pameran yang berpaksikan 'Menghulurkan Kasih, Menyemai Ikatan' yang menekankan kepada dua komponen penting dalam pembentukan sebuah masyarakat yang bersatu padu.
- Dalam perhimpunan tersebut memperlihatkan 33 buah projek atau program kesukarelawan. Projek atau program yang terpilih merupakan projek-projek terkini di samping aktiviti sukarelawan yang telah lama berjalan sebagai Model Projek.

- Aturcara :

- Acara dimulakan dengan sembah alu-aluan oleh Yang Berhormat Pehin Menteri Kebudayaan, Belia dan Sukan selaku Pengerusi Jawatankuasa Tertinggi Sambutan Hari Belia Kebangsaan, diikuti dengan titah Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam, ikrar belia, persembahan koir, tayangan video yang dibuat oleh para belia dan acara kemuncak sambutan ialah penyampaian Anugerah Belia Kebangsaan 2017 dalam empat kategori, iaitu Anugerah Belia Cemerlang, Anugerah Belia Berkhidmat, Anugerah Pemimpin Muda Belia dan Anugerah Projek Cemerlang Untuk Belia. Penerima Anugerah Belia Cemerlang pada tahun ini ialah Dayang Nurliyana Fatin binti Arifin; Penerima Anugerah Belia Berkhidmat pula ialah Awang Haji Muhammad Iqbal Fakhri bin Haji Damit. Manakala, Anugerah Pemimpin Muda Belia ialah Awang Mohammad Aidil Firdaus bin Awang Haji Jukin dari Persatuan Kemajuan Insan (KESAN) dan Anugerah Projek Cemerlang untuk Belia ialah [www.alhuffaz.com](http://www.alhuffaz.com) (Platform Pembelajaran Al-Qur'an).







**8. LAWATAN YANG BERHORMAT PEHIN MENTERI KEBUDAYAAN, BELIA DAN SUKAN KE PERSIAPAN LATIHAN SUKAN ASIA TENGGARA KE-29, KUALA LUMPUR 2017**  
Khamis, 03 Ogos 2017

- Hadir : Yang Berhormat Pehin Menteri Kebudayaan, Belia dan Sukan.
- Keterangan : Yang Berhormat Pehin Menteri Kebudayaan, Belia dan Sukan telah meninjau pasukan-pasukan dan atlet-atlet negara ke Sukan Asia Tenggara (Sukan SEA) Ke-29 di Kuala Lumpur 2017 berlatih antaranya pencak silat, olahraga, bolasepak, lawan pedang dan bola jaring.

Lawatan Yang Berhormat Pehin adalah semata-mata untuk memberi sokongan psikologi untuk bekalan kepada pasukan dan atlet bagi mengharungi perlawanan masing-masing.



## **9. MAJLIS MENGHANTAR ROMBONGAN BELIA KE PROGRAM PERTUKARAN BELIA NEGARA BRUNEI DARUSSALAM DAN REPUBLIK KOREA**

Isnin, 07 Ogos 2017 (Lapangan Terbang Antarabangsa Brunei)

- Hadir : Yang Mulia Haji Zafri bin Haji Mohamed, Pemangku Pengarah Belia dan Sukan.
- Keterangan : Rombongan belia telah bertolak ke Republik Korea bagi menyertai Program Pertukaran Belia Negara Brunei Darussalam dan Republik Korea yang diadakan mulai 7 hingga 16 Ogos 2017.

Sepanjang sepuluh hari program dijalankan, rombongan belia telah menghadiri sesi orientasi, membuat lawatan ke MBC World, ASEAN-Korea Centre, The National Museum of Korean Contemporary History, menyaksikan NANTA Performance dan membuat kunjungan hormat kepada Minister of Gender Equality and Family di Seoul.

Para peserta juga telah mengunjungi Wilayah Hongcheon, Pyeongchang, Hoengseong, Wonju, Suwon, dan Iksan di mana mereka telah membuat lawatan ke Hongcheon Energy Centre, Hoengseong SoopCheWon dan membuat kunjungan ke National Pyeongchang Youth Centre, Wonju Joongang Youth Centre dan Gwanggyo Youth Centre untuk berinteraksi dan melakukan aktiviti bersama belia-belia Korea.

Selain itu mereka juga berpeluang menyertai program tinggal bersama keluarga angkat (homestay) semasa berada di Iksan.

- Penyertaan : Seramai sepuluh orang belia terdiri daripada belia-belia berpersatuan dan yang pernah mengikuti program anjuran KKBS dari keempat-empat daerah yang diketuai oleh Awang Haji Mohd. Sofian bin Haji Amit, Penyelia Pusat Belia.



## **10. SUKAN ASIA TENGGARA KE-29, KUALA LUMPUR 2017**

### **10(a). MAJLIS PENYERAHAN BENDERA NEGARA KEPADA KONTINJEN NEGARA BRUNEI DARUSSALAM**

Rabu, 09 Ogos 2017 (Stadium Tertutup, Kompleks Sukan Negara Hassanal Bolkiah)

Duli Yang Teramat Mulia Paduka Seri Pengiran Bendahara Seri Maharaja Permaisluara Pengiran Muda Haji Sufri Bolkiah ibni Al-Marhum Sultan Haji Omar 'Ali Saifuddien Sa'adul Khairi Waddien, Presiden Majlis Olimpik Kebangsaan Negara Brunei Darussalam berkenan berangkat bagi menyempurnakan majlis tersebut.

Berangkat sama ialah anakanda Duli Yang Teramat Mulia, Yang Amat Mulia Pengiran Muda 'Abdul 'Aleem.

- Keterangan : Negara Brunei Darussalam telah menghantar kontinjen bagi menyertai Sukan Asia Tenggara (Sukan SEA) Ke-29 yang diadakan bermula pada 19 Ogos hingga 30 Ogos 2017 bertempat di Kuala Lumpur, Malaysia. Kontinjen negara telah menyertai sebanyak 14 acara sukan iaitu akuatik (renang berirama), olahraga, badminton, lumba basikal, ekuestrian (*endurance, jumping, polo*), lawan pedang, bola sepak, golf, karate, boling padang, netball, pencak silat, sepak takraw dan wushu.
- Aturcara : Majlis dimulakan dengan sembah alu-aluan oleh Yang Berhormat Pehin Menteri Kebudayaan, Belia dan Sukan.

Kemuncak majlis ialah sabda Duli Yang Teramat Mulia dan seterusnya penyerahan bendera Negara Brunei Darussalam oleh Duli Yang Teramat Mulia kepada Yang Mulia Pengiran Anak Mohd Sofian bin Pengiran Anak Haji Ibrahim, *Chef de Mission* Kontinjen Negara Brunei Darussalam ke Sukan SEA Ke-29, Kuala Lumpur 2017. Majlis diakhiri dengan bergambar ramai bersama Presiden Majlis Olimpik Kebangsaan Negara Brunei Darussalam.

- Penyertaan : Kontinjen dianggotai seramai 171 orang yang terdiri daripada 105 orang atlet dan 66 orang pegawai termasuk *Chef de Mission*, *Assistant Chef de Mission*, pengurus pasukan, jurulatih dan kakitangan perubatan.





**10(b). UPACARA SELAMAT BELAYAR BAGI KONTINJEN NEGARA BRUNEI DARUSSALAM**

Sabtu, 12 Ogos 2017 (Lapangan Terbang Antarabangsa Brunei)

- Hadir : Yang Mulia Haji Zafri bin Haji Mohamed, Pemangku Pengarah Belia dan Sukan.
- Keterangan : Kontinjen negara telah berlepas ke Kuala Lumpur, Malaysia bagi menyertai kejohanan Sukan Asia Tenggara (Sukan SEA) Ke-29.

Negara Brunei Darussalam mula mengikuti Sukan SEA pada tahun 1977 dan hingga ke hari ini negara telah memperolehi 12 pingat emas, 51 pingat perak dan 176 pingat gangsa di mana pencapaian terbaik ialah semasa negara menjadi tuan rumah pada tahun 1999 dengan meraih 4 pingat emas, 12 pingat perak dan 32 pingat gangsa.



### **10(c). MAJLIS MENYAMBUT KEPULANGAN KONTINJEN NEGARA BRUNEI DARUSSALAM**

Khamis, 31 Ogos 2017 (Lapangan Terbang Antarabangsa Brunei)

- Hadir : Yang Berhormat Pehin Menteri Kebudayaan, Belia dan Sukan.
- Keterangan : Kontinjen negara telah pulang ke tanahair selepas menyertai kejohanan Sukan Asia Tenggara (Sukan SEA) Ke-29 di Kuala Lumpur, Malaysia.

Kontinjen telah berjaya meraih 5 pingat perak dan 9 pingat gangsa melalui acara-acara berpasukan bagi sukan ekuestrian (*polo*); *Women's Team Kata* bagi sukan karate; *Men's Triples*, *Women's Pairs*, *Women's Singles* dan *Women's Triples* bagi sukan boling padang; berpasukan bagi sukan netball; Seni/*Artistry* Tunggal Puteri bagi sukan pencak silat; Men's Chinlone Event 3 (Linking), Men's Chinlone Event 1 (Non-Repetition Primary), Men's Team Regu dan Men's Regu bagi sukan sepak takraw dan *Women's Compulsory 3<sup>rd</sup> Taijiquan* dan *Men's Optional Nanquan* bagi sukan wushu.



## **11. LUMBA PERAHU TRADISI BELIA 2017**

Ahad, 13 Ogos 2017 (Perairan Sungai Brunei)

Yang Amat Mulia Pengiran Lela Cheteria Sahibun Najabah Pengiran Anak Haji Abdul Aziz bin Pengiran Jaya Negara Pengiran Haji Abu Bakar, Yang Di-Pertua Adat Istiadat Negara berkenan berangkat selaku tetamu kehormat ke perlumbaan tersebut.

- Keterangan : Kementerian Kebudayaan, Belia dan Sukan telah mengadakan Lomba Perahu Tradisi Belia 2017 bersempena dengan Sambutan Hari Belia Kebangsaan Kali Ke-12, 2017 yang bertujuan antara lain bagi mengenang masa silam penduduk Negara Brunei Darussalam yang terkenal dengan Kampung Ayer di mana sebahagian daripada generasinya mewarisi kemahiran berkayuh disamping dapat mengeratkan lagi hubungan silaturrahim dan menjana integrasi di kalangan generasi belia.

Sebanyak sepuluh kategori telah dipertandingkan iaitu Lomba Perahu Tradisi Terbuka 30 Pekayuh; Lomba Kayak Berpasangan Campuran; Lomba Perahu Tradisi Belia 15 Pekayuh; Lomba Perahu Jumpong 3 Pekayuh; Lomba Perahu Tradisi Belia 20 Pekayuh; Lomba Perahu Terbuka 15 Pekayuh; Lomba Perahu Tradisi Belia 10 Pekayuh; Lomba Kayak Berpasangan Lelaki; Lomba Perahu Jumpong 2 Pekayuh dan Lomba Perahu Tradisi Belia 30 Pekayuh (Tajaan Khas).

Pasukan Majlis Lomba Perahu Lela Cheteria muncul juara bagi Kategori Lomba Perahu Tradisi Belia 30 Pekayuh (Tajaan Khas), manakala Pasukan Mukim Saba dan Pasukan Gabungan Anak Tamoi Brunei masing-masing meraih tempat kedua dan ketiga dalam acara Lomba Perahu Tradisi Belia 2017 yang diadakan di Perairan Sungai Brunei di ibu negara.



## SEPTEMBER 2017

### 12. RIADAH BERBASIKAL KEPUTERAAN 2017

Ahad, 03 September 2017 (Taman Haji Sir Muda Omar 'Ali Saifuddien)

Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan Haji Hassanal Bolkiah Mu'izzaddin Waddaulah ibni Al-Marhum Sultan Haji Omar 'Ali Saifuddien Sa'adul Khairi Waddien, Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam telah berkenan berangkat menyertai acara Riadah Berbasikal Keputeraan pada 03 September 2017.

Turut berangkat ialah Duli Yang Teramat Mulia Paduka Seri Pengiran Muda Mahkota Pengiran Muda Haji Al-Muhtadee Billah, Menteri Kanan di Jabatan Perdana Menteri; Yang Teramat Mulia Paduka Seri Duli Pengiran Muda 'Abdul Malik, Yang Teramat Mulia Paduka Seri Duli Pengiran Muda 'Abdul Mateen, Yang Teramat Mulia Paduka Seri Duli Pengiran Muda 'Abdul Wakeel, Yang Teramat Mulia Paduka Seri Pengiran Anak Puteri 'Azemah Ni'matul Bolkiah, Yang Teramat Mulia Paduka Seri Pengiran Anak Puteri Fadzilah Lubabul Bolkiah dan Yang Teramat Mulia Paduka Seri Pengiran Anak Puteri Ameerah Wardatul Bolkiah berserta kerabat diraja yang lain.

- Keterangan : Kementerian Kebudayaan, Belia dan Sukan bersama-sama dengan Kementerian Hal Ehwal Dalam Negeri, Kementerian Pembangunan, Kementerian Hal Ehwal Ugama, Kementerian Perhubungan dan Kementerian Kesihatan serta penglibatan semua kementerian-kementerian yang lain dan Persekutuan Basikal Brunei Darussalam telah menganjurkan Riadah Berbasikal Keputeraan 2017 bagi merafakkan kesyukuran dan merayakan Sambutan Ulang Tahun Hari Keputeraan Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan Haji Hassanal Bolkiah Mu'izzaddin Waddaulah ibni Al-Marhum Sultan Haji Omar 'Ali Saifuddien Sa'adul Khairi Waddien, Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam Ke-71 Tahun yang bertujuan antara lain ke arah pembentukan budaya sukan dan pemantapan perpaduan menerusi penglibatan masyarakat secara menyeluruh yang menjurus kepada pewujudan warga sihat dan sebagai salah satu usaha untuk membantu mengurangkan masalah obesiti dalam kalangan masyarakat di negara ini.

Riadah Berbasikal Keputeraan 2017 telah mengelilingi Bandar Seri Begawan sejauh hampir 11.5 kilometer dan telah melintasi jalan-jalan utama antaranya Jalan Sultan Omar 'Ali Saifuddien, Jalan Kianggeh, Jalan Sekolah, Jalan Kumbang Pasang, Jalan Perdana Menteri, Jalan Haji Basir, Jalan Sultan dan berakhir di Taman Haji Sir Muda Omar 'Ali Saifuddien.

Kebawah Duli Yang Maha Mulia beserta kerabat diraja juga turut berkenan menyaksikan perbarisan lalu daripada seramai 71 orang pekayuh basikal dari keempat-empat daerah yang berjaya mengelilingi 71 kilometer.





## **13. SUKAN PARA ASEAN KE-9, KUALA LUMPUR 2017**

### **13(a). MAJLIS PENYERAHAN BENDERA NEGARA KEPADA KONTINJEN NEGARA BRUNEI DARUSSALAM**

Rabu, 06 September 2017 (Dewan Digadong, Bangunan KKBS)

- Hadir : Yang Berhormat Pehin Menteri Kebudayaan, Belia dan Sukan.
- Keterangan : Negara Brunei Darussalam telah menghantar kontinjen bagi menyertai Sukan Para ASEAN Ke-9, Kuala Lumpur, Malaysia yang diadakan bermula pada 17 hingga 23 September 2017. Kontinjen negara telah menyertai sebanyak 3 acara sukan daripada 16 acara sukan yang dipertandingkan iaitu olahraga, basikal dan tenpin bowling.
- Aturcara : Majlis dimulakan dengan ucapan alu-aluan oleh Yang Mulia Haji Zafri bin Haji Mohamed, Pemangku Pengarah Belia dan Sukan dan diikuti dengan ucapan suntikan semangat oleh Menteri Kebudayaan, Belia dan Sukan. Acara diteruskan dengan penyerahan bendera Negara Brunei Darussalam oleh Menteri Kebudayaan, Belia dan Sukan kepada Yang Mulia Awang Haji Rosmадee bin Haji Mohd Daud selaku *Chef de Mission* Kontinjen Negara Brunei Darussalam ke Sukan Para ASEAN Ke-9, Kuala Lumpur 2017. Majlis diakhiri dengan bergambar ramai bersama Menteri Kebudayaan, Belia dan Sukan.
- Penyertaan : Kontinjen dianggotai seramai 44 orang yang terdiri daripada 29 orang atlet dan 15 orang pegawai termasuk *Chef de Mission*, *Assistant Chef de Mission*, pengurus pasukan, jurulatih dan kakitangan perubatan.



### **13(b). UPACARA SELAMAT BELAYAR BAGI KONTINJEN NEGARA BRUNEI DARUSSALAM**

Sabtu, 12 September 2017 (Lapangan Terbang Antarabangsa Brunei)

- Hadir : Yang Mulia Awang Haji Noor Jusmin bin Haji Abd Samad, Setiausaha Tetap Kementerian Kebudayaan, Belia dan Sukan.
- Keterangan : Kontinjen negara telah berlepas ke Kuala Lumpur, Malaysia bagi menyertai kejohanan Sukan Para ASEAN Ke-9.

Temasya Sukan Para ASEAN merupakan kejohanan sukan yang diadakan setiap 2 tahun secara *back-to-back* selepas Sukan Asia Tenggara untuk atlet-atlet Asia Tenggara yang kurang upaya.

Pada pencapaian lalu, kontinjen negara telah berjaya membawa pulang 3 pingat emas, 3 pingat perak dan 6 pingat gangsa di Sukan Para ASEAN Ke-8 di Singapura pada tahun 2015.



### **13(c). MAJLIS MENYAMBUT KEPULANGAN KONTINJEN NEGARA BRUNEI DARUSSALAM**

Ahad, 24 September 2017 (Lapangan Terbang Antarabangsa Brunei)

- Hadir : Yang Berhormat Pehin Menteri Kebudayaan, Belia dan Sukan.
- Keterangan : Kontinjen negara telah pulang ke tanahair selepas menyertai kejohanan Sukan Para ASEAN Ke-9 di Kuala Lumpur, Malaysia dan telah berjaya mengutip 2 pingat emas, 6 pingat perak dan 6 pingat gangsa bagi sukan olahraga, tenpin bowling dan basikal. 1 pingat emas, 3 pingat perak dan 5 pingat gangsa bagi acara olahraga, 1 pingat emas dan 3 pingat perak bagi acara tenpin bowling dan 1 pingat gangsa bagi acara sukan basikal.



#### **14. 5<sup>TH</sup> ASIAN INDOOR AND MARTIAL ARTS GAMES, ASHGABAT, TURKMENISTAN 2017**

##### **14(a). MAJLIS PENYERAHAN BENDERA NEGARA KEPADA KONTINJEN NEGARA BRUNEI DARUSSALAM**

Selasa, 12 September 2017 (Bilik VIP, Tingkat 1, Stadium Negara Hassanal Bolkiah)

- Hadir : Yang Berhormat Dato Seri Setia Dr. Haji Zulkarnain bin Haji Hanafi, Pemangku Menteri Kebudayaan, Belia dan Sukan.
  - Keterangan : Negara Brunei Darussalam telah menghantar kontinjen bagi menyertai *5<sup>th</sup> Asian Indoor and Martial Arts Games* yang diadakan bermula pada 17 hingga 27 September 2017 di Ashgabat, Turkmenistan. Kontinjen negara telah menyertai sebanyak 1 acara sukan dari 21 acara sukan yang dipertandingkan iaitu billiard.
  - Aturcara : Majlis dimulakan dengan ucapan alu-aluan oleh Pemangku Menteri Kebudayaan, Belia dan Sukan dan diteruskan dengan sabda Duli Yang Teramat Mulia Paduka Seri Pengiran Bendahara Seri Maharaja Permaisluara Pengiran Muda Haji Sufri Bolkiah ibni Al-Marhum Sultan Haji Omar 'Ali Saifuddien Sa'adul Khairi Waddien, Presiden Majlis Olimpik Kebangsaan Negara Brunei Darussalam yang disampaikan oleh Pemangku Menteri Kebudayaan, Belia dan Sukan.
- Acara diteruskan dengan penyerahan bendera Negara Brunei Darussalam oleh Pemangku Menteri Kebudayaan, Belia dan Sukan kepada Yang Mulia Kolonel Zahrin bin Haji Zunaidi selaku *Chef de Mission* Kontinjen Negara Brunei Darussalam ke *5<sup>th</sup> Asian Indoor and Martial Arts Games, Ashgabat, Turkmenistan*. Majlis diakhiri dengan bergambar ramai bersama Pemangku Menteri Kebudayaan, Belia dan Sukan.
- Penyertaan : Kontinjen dianggotai seramai 4 orang yang terdiri daripada seorang atlet dan 3 orang pegawai termasuk *Chef de Mission*, pegawai urusetia dan jurulatih.



**14(b). UPACARA SELAMAT BELAYAR BAGI KONTINJEN NEGARA BRUNEI DARUSSALAM**

Rabu, 13 September 2017 (Lapangan Terbang Antarabangsa Brunei)

- Hadir : Yang Mulia Awang Haji Noor Jusmin bin Haji Abd Samad, Setiausaha Tetap Kementerian Kebudayaan, Belia dan Sukan.
- Keterangan : Kontinjen negara telah berlepas ke Ashgabat, Turkmenistan bagi menyertai kejohanan *5<sup>th</sup> Asian Indoor and Martial Arts Games*.

Kejohanan *Asian Indoor and Martial Arts Games* yang juga dikenali sebagai AIMAG merupakan kejohanan *multi-sport pancontinental* yang diadakan setiap 4 tahun untuk atlet-atlet dari seluruh Asia, selepas penggabungan *Asian Indoor Games* dan *Asian Martial Arts Games*. Kejohanan tersebut dianjurkan oleh *Olympic Council of Asia (OCA)* dan ianya digambarkan sebagai acara *multi-sport Asia* yang kedua terbesar selepas Sukan Asia. Edisi AIMAG terakhir diadakan adalah pada tahun 2013 di Incheon, Republik Korea.



**15. ROMBONGAN BELIA SERTAI JENESYS2017 INBOUND PROGRAM COMPOSITE 1<sup>ST</sup> (CULTURE) JAPAN-ASEAN STUDENTS CONFERENCE**

Isnin, 18 September 2017 (Lapangan Terbang Antarabangsa Brunei)

- Hadir : Yang Mulia Awang Haji Amer Hamzah bin Pehin Orang Kaya Amar Pahlawan Dato Seri Setia Awang Haji Zakaria, Pemangku Setiausaha Tetap Kementerian Kebudayaan, Belia dan Sukan.
- Keterangan : Rombongan belia telah bertolak ke Tokyo, Jepun bagi menyertai *JENESYS2017 Inbound Program Composite 1<sup>st</sup> (Culture) Japan-ASEAN Students Conference in Commemoration of the ASEAN 50<sup>th</sup> Anniversary* yang diadakan mulai 19 hingga 26 September 2017.

JENESYS merupakan sebuah program pertukaran belia yang dianjurkan dan ditanggung sepenuhnya oleh Kerajaan Jepun sejak tahun 2007 untuk menjalinkan hubungan dua hala dan persahabatan di samping mempromosi nilai-nilai budaya, adat resam dan memahami cara hidup masyarakat Jepun.

Para peserta telah dibahagikan kepada empat kumpulan mengikut tema yang telah disediakan oleh pihak pengajur iaitu *Natural Disaster, Economic Development, Environmental Problems* dan *Social Activities in Community*. Mereka telah membuat lawatan ke *Iwate Prefecture, Miyagi Prefecture, Fukuoka Prefecture* dan *Kumamoto Prefecture* dimana kumpulan-kumpulan tersebut berpeluang untuk mengikuti beberapa aktiviti seperti mendengarkan taklimat mengenai kebudayaan dan kesenian Jepun termasuk tema yang telah ditetapkan, membuat lawatan ke tempat-tempat seperti *Kuji Underground Aquarium "Mogranpia"*, *Yokomuna Fishing Port, Miyagi Fukkou Park, Kitakyusyu Environment Museum, Kumamoto City International Center* dan sebagainya.

- Penyertaan : Seramai 12 orang belia terdiri daripada para pelajar, mahasiswa dan mahasiswi dari beberapa Institusi Pengajian Tinggi bersama seorang ketua rombongan.



## 16. FESTIVAL PUSAT BELIA

Khamis, 21 September 2017 (Pusat Belia, Bandar Seri Begawan)

- Hadir : Yang Mulia Awang Haji Noor Jusmin bin Haji Abd Samad, Setiausaha Tetap Kementerian Kebudayaan, Belia dan Sukan.
- Keterangan : Kementerian Kebudayaan, Belia dan Sukan mengadakan Festival Pusat Belia untuk menyerlahkan peranan Pusat Belia dalam membangun belia untuk kemajuan pesat mereka.

Pakej-pakej baharu di bawah penjenamaan semula Pusat Belia dijangka memberi laluan laju kepada pertumbuhan keberhasilan belia dalam bidang-bidang yang mereka minati. Kemudahan atau perkhidmatan yang ditawarkan oleh Pusat Belia diperingkat ini antara lain Akademi I'jaz Al-Quran, Akademi Masakan, Akademi Komputer dan Akademi Kecantikan yang merupakan tempat-tempat belajar untuk dimanfaatkan oleh belia-belia yang berkecenderungan dalam bidang-bidang itu. Dalam pada itu aktiviti kolam renang di Pusat Belia akan dipertingkat.

Pusat Belia juga menyediakan ruang atau *space* untuk belia menerusi program *Weekend Space* bagi belia mendapatkan mata pencarian dihujung minggu.

Setiausaha Tetap Kementerian Kebudayaan, Belia dan Sukan juga turut menyempurnakan penyampaian sijil bengkel keusahawanan belia dan sijil tamat akademi komputer belia kepada 60 orang peserta. Program-program tersebut merupakan keluaran Pusat Belia yang ternyata berguna untuk belia.



## **17. LARIAN HARI KEPUTERAAN 2017**

Ahad, 24 September 2017

- Keterangan: Kementerian Kebudayaan, Belia dan Sukan dengan kerjasama telah menganjurkan Larian Hari Keputeraan 2017 serentak di keempat-empat daerah yang pada utamanya untuk memeriahkan Sambutan Ulang Tahun Hari Keputeraan Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan Haji Hassanal Bolkiah Mu'izzaddin Waddaulah ibni Al-Marhum Sultan Haji Omar 'Ali Saifuddien Sa'adul Khairi Waddien, Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam Ke-71 Tahun.

Larian Hari Keputeraan 2017 adalah pendekatan untuk rakyat dan penduduk negara ini merafakkan kesyukuran dan merayakan Sambutan Ulang Tahun Hari Keputeraan Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam melalui cabang sukan dan sekaligus menggalakkan masyarakat mengamalkan cara hidup sihat dengan melibatkan diri dalam kegiatan sukan dan riadah secara berterusan serta memupuk perpaduan, persefahaman dan kerjasama di kalangan lapisan masyarakat demi pembangunan dan kemajuan sukan untuk negara.

- **Daerah Brunei dan Muara**

Tetamu Kehormat : Yang Berhormat Pehin Datu Lailaraja Mejar Jeneral (B) Dato Paduka Seri Haji Awang Halbi bin Haji Mohd Yussof, Menteri Kebudayaan, Belia dan Sukan.

Tempat : Taman Haji Sir Muda Omar 'Ali Saifuddien.

Penyertaan : Lebih 2421 orang yang berdaftar dan penyertaan orang ramai.

- **Daerah Belait**

Tetamu Kehormat : Yang Berhormat Awang Haji Abdul Hamid bin Haji Mumin, Ahli Majlis Mesyuarat Negara.

Tempat : Taman Persiaran Jalan Sungai Kuala Belait.

Penyertaan : Lebih 340 orang yang berdaftar dan penyertaan orang ramai.

- **Daerah Tutong**

Tetamu Kehormat : Yang Berhormat Awang Haji Ramli bin Haji Lahit, Ahli Majlis Mesyuarat Negara.

Tempat : Kompleks Sukan Tutong.

Penyertaan : Lebih 588 orang yang berdaftar dan penyertaan orang ramai.

- **Daerah Temburong**

Tetamu Kehormat : Yang Berhormat Awang Haji Emran bin Haji Sabtu, Ahli Majlis Mesyuarat Negara.

Tempat : Kompleks Sukan Temburong.

Penyertaan : Lebih 266 orang yang berdaftar dan penyertaan orang ramai.



**18. RIADAH BERBASIKAL KAYUHAN JUBLI EMAS**

Ahad, 08 Oktober 2017 (Taman Haji Sir Muda Omar 'Ali Saifuddien)

Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan Haji Hassanal Bolkiah Mu'izzaddin Waddaulah ibni Al-Marhum Sultan Haji Omar 'Ali Saifuddien Sa'adul Khairi Waddien, Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam telah berkenan berangkat menyertai acara Riadah Berbasikal Kayuhan Jubli Emas pada 08 Oktober 2017.

Turut berangkat ialah Duli Yang Teramat Mulia Paduka Seri Pengiran Muda Mahkota Pengiran Muda Haji Al-Muhtadee Billah, Menteri Kanan di Jabatan Perdana Menteri; Duli Yang Teramat Mulia Paduka Seri Duli Pengiran Muda 'Abdul Mateen, Duli Yang Teramat Mulia Paduka Seri Duli Pengiran Muda 'Abdul Wakeel, Duli Yang Teramat Mulia Paduka Seri Pengiran Perdana Wazir Sahibul Himmah Wal-Waqar Pengiran Muda Mohamed Bolkiah, dan Yang Teramat Mulia Paduka Seri Pengiran Anak Puteri Ameerah Wardatul Bolkiah berserta kerabat diraja yang lain.

- Keterangan : Riadah Berbasikal Kayuhan Jubli Emas Sempena Sambutan Jubli Emas Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan Haji Hassanal Bolkiah Mu'izzaddin Waddaulah ibni Al-Marhum Sultan Haji Omar 'Ali Saifuddien Sa'adul Khairi Waddien, Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam Menaiki Takhta ini menggabungkan aspek gaya hidup sihat dan rekreasi, dimana penglibatan aktif dan penghayatan budaya sukan oleh setiap lapisan masyarakat akan mewujudkan masyarakat yang sihat dan memupuk perpaduan negara.

Riadah Berbasikal Kayuhan Jubli Emas dianjurkan oleh Kementerian Kebudayaan, Belia dan Sukan bersama-sama dengan Kementerian Hal Ehwal Dalam Negeri, Kementerian Pembangunan, Kementerian Hal Ehwal Ugama, Kementerian Perhubungan dan Kementerian Kesihatan serta penglibatan semua kementerian-kementerian yang lain dan Persekutuan Basikal Brunei Darussalam.

Acara Riadah Berbasikal Kayuhan Jubli Emas telah mengelilingi Bandar Seri Begawan sejauh hampir 11.5 kilometer dan melintasi jalan-jalan utama antaranya Jalan Sultan Omar 'Ali Saifuddien, Jalan Kianggeh, Jalan Sekolah, Jalan Kumbang Pasang, Jalan Perdana Menteri, Jalan Haji Basir, Jalan Raja Isteri Pengiran Anak Saleha dan berakhir di Taman Haji Sir Muda Omar 'Ali Saifuddien.

Kebawah Duli Yang Maha Mulia beserta kerabat diraja juga berkenan menyaksikan perbarisan lalu daripada seramai 50 orang pekayuh basikal dari keempat-empat daerah yang berjaya mengelilingi 50 kilometer.

- Penyertaan : Lebih daripada seribu orang penggemar dan peminat sukan berbasikal dari segenap lapisan masyarakat di Negara Brunei Darussalam.





## **19. PROGRAM RANCANGAN KAPAL BELIA ASIA TENGGARA DAN JEPUN KE-44, 2017**

### **19(a). PREVIEW PERSEMBAHAN KEBUDAYAAN DAN PAMERAN BAGI PROGRAM RANCANGAN KAPAL BELIA ASIA TENGGARA DAN JEPUN KE-44, 2017**

Isnin, 16 Oktober 2017 (Dewan Digadong, Bangunan KKBS)

- Hadir : Yang Berhormat Pehin Menteri Kebudayaan, Belia dan Sukan.
- Keterangan : Kontinen Negara Brunei Darussalam telah membuat Pratonton Persembahan Kebudayaan yang dibawakan dalam Program Rancangan Kapal Belia Asia Tenggara dan Jepun Ke-44. Program bermula pada 23 Oktober hingga 23 Disember 2017, selama 52 hari bersama 330 orang belia dari 11 buah negara dengan menggunakan Kapal Nippon Maru dengan singgah ke beberapa buah negara iaitu Sihanoukville, Kemboja; Bangkok, Thailand; Jakarta, Indonesia; Kuala Lumpur, Malaysia dan berakhir di Tokyo, Jepun.
- Penyertaan : Diwakili seramai 29 orang belia iaitu seorang Ketua Kontinen, 12 peserta lelaki dan 16 peserta perempuan yang terdiri daripada pegawai-pegawai kerajaan dan swasta serta belia-belia perseorangan.
- Program Pratonton : Sebanyak tujuh jenis persembahan telah dipersembahkan oleh para peserta yang terdiri dari tarian Jipin, tarian Jong Sarat dan tarian Puak Brunei seperti Adai-Adai, Umak-Umak, Tamarok dan Aduk-Aduk.



**19(b). MAJLIS PENYERAHAN BENDERA KEBANGSAAN KEPADA KONTINJEN RANCANGAN KAPAL BELIA ASIA TENGGARA DAN JEPUN KE-44, 2017**

Khamis, 19 Oktober 2017 (Bilik VIP, Stadium Negara Hassanal Bolkiah)

- Tetamu Kehormat : Yang Berhormat Pehin Menteri Kebudayaan, Belia dan Sukan.
- Keterangan : Majlis penyerahan bendera negara telah disempurnakan oleh Yang Berhormat Pehin Menteri Kebudayaan, Belia dan Sukan kepada Yang Mulia Muhammad Ihsan Sabri bin Haji Abd Manap selaku Ketua Kontinjen Negara Brunei Darussalam Ke Rancangan Kapal Belia Asia Tenggara dan Jepun Ke-44.
- Aturcara : Majlis dimulakan dengan ucapan alu-aluan oleh Pemangku Pengarah Belia dan Sukan, diikuti dengan ucapan selamat jalan oleh Tuan Yang Terutama Motohiko Kato, Duta Besar Istimewa dan Mutlak Jepun ke Negara Brunei Darussalam dan seterusnya penyerahan tiket penerbangan kepada Ketua Kontinjen Negara Brunei Darussalam dan ucapan terima kasih Ketua Kontinjen Negara Brunei Darussalam serta ucapan nasihat oleh Yang Berhormat Pehin Menteri Kebudayaan, Belia dan Sukan. Majlis diteruskan dengan penyerahan bendera kepada Ketua Kontinjen.

Yang Berhormat Pehin Menteri Kebudayaan, Belia dan Sukan juga berkesempatan menerima kunjungan Kontinjen Negara Brunei Darussalam Ke Rancangan Kapal Belia Asia Tenggara dan Jepun Ke-44 dengan pengenalan serta soal jawab.



**19(c). MAJLIS SELAMAT BELAYAR BAGI KONTINJEN NEGARA BRUNEI DARUSSALAM KE RANCANGAN KAPAL BELIA ASIA TENGGARA DAN JEPUN KE-44, 2017**  
Ahad, 22 Oktober 2017 (Lapangan Terbang Antarabangsa Brunei)

- Hadir : Yang Mulia Awang Haji Noor Jusmin bin Haji Abdul Samad, Setiausaha Tetap Kementerian Kebudayaan, Belia dan Sukan.
- Keterangan : Kontinjen Negara Brunei Darussalam telah berlepas ke Tokyo, Jepun bagi menyertai Rancangan Kapal Belia Asia Tenggara dan Jepun Ke-44 yang mana merupakan program pertukaran belia antarabangsa khusus bagi negara-negara ASEAN dan Jepun bermula sejak 1974 dengan tujuan bagi melahirkan kesefahaman dan kerjasama antarabangsa dikalangan belia-belia ASEAN dan juga Jepun, disamping mempelajari adat budaya, politik dan pembangunan ekonomi bagi sesebuah negara.

Penyertaan Negara Brunei Darussalam tahun ini merupakan kali ke-32 sejak penyertaan rasmi negara pada tahun 1985.



## **20. LARIAN QUEEN'S BATON XXI COMMONWEALTH GAMES 2018**

Selasa, 24 Oktober 2017 (Bandar Seri Begawan)

- Tetamu Kehormat : Yang Berhormat Pehin Menteri Kebudayaan, Belia dan Sukan.
- Keterangan : Larian Queen's Baton telah meliputi jalan-jalan di ibu negara sejauh 12 kilometer sempena Sukan Komanwel Ke-21, Gold Coast, Australia 2018. Yang Berhormat Pehin Menteri Kebudayaan, Belia dan Sukan telah menerima *Queen's Baton* dari wakil Sukan Komanwel Ke-21 Gold Coast 2018, Kerry Thompson dan seterusnya mendahului larian dengan membawa baton berkenaan disertai oleh ketua-ketua perwakilan negara-negara Komanwel di Negara Brunei Darussalam menuju ke Tugu Menara Jam di Jalan Sultan sebagai titik penyerahan baton kepada kumpulan larian seterusnya.

Larian diakhiri di Pusat Latihan Kesenian dan Pertukangan Tangan dengan penyerahan semula baton oleh kumpulan atlet boling padang kepada Yang Berhormat Menteri Kebudayaan, Belia dan Sukan untuk diserahkan kepada Pesuruhjaya Tinggi Republik Singapura ke Negara Brunei Darussalam, Tuan Yang Terutama Lim Hong Huai di mana Republik Singapura merupakan negara seterusnya yang meneruskan Larian *Queen's Baton*.

*Queen's Baton* tiba di negara ini dari Malaysia sejak 21 Oktober dan telah mengharungi perjalanan selama 338 hari di 70 buah negara Komanwel dengan jarak sejauh 230,000 kilometer, yang merupakan larian terpanjang dalam sejarah temasya sukan tersebut di mana Negara Brunei Darussalam merupakan negara persinggahan yang ke-55 sebelum ke destinasi seterusnya dan akhirnya tiba di Australia pada 4 April 2018.

- Penyertaan : Seramai lebih 100 peserta terdiri daripada atlet-atlet negara dalam sukan wushu, olahraga, sepak takraw, bola jaring, atlet para dan Orang Berkeperluan Khas, sukan basikal, bot laju dan jetski, kayak, taekwando, bola sepak, pencak silat, boling padang, penduduk-penduduk Kampung Sungai Kebun, Kampung Peramu dan juga Kampung Lorong Sikuna serta murid-murid Sekolah Rendah Pusar Ulak, Sekolah St. Andrews dan Sekolah Chung Hwa.







## **21. MUSABAQAH TILAWATIL QUR'AN BELIA ASIA TENGGARA KE-8, 1439H/2017M**

Dewan Plenary, Pusat Persidangan Antarabangsa, Berakas

- Selasa, 24 Oktober 2017 (Malam Pertama)**

Duli Yang Teramat Mulia Paduka Seri Pengiran Muda Mahkota Pengiran Muda Haji Al-Muhtadee Billah Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan Haji Hassanal Bolkiah Mu'izzaddin Waddaulah, Menteri Kanan di Jabatan Perdana Menteri berkenan berangkat merasmikan Majlis Musabaqah Tilawatil Qur'an Belia Asia Tenggara Ke-8, 1439H/2017M.

Berangkat sama ialah Duli Yang Teramat Mulia Paduka Seri Pengiran Muda 'Abdul Malik.

- Keterangan/Aturcara:** Negara Brunei Darussalam melalui Kementerian Kebudayaan, Belia dan Sukan telah menganjurkan Musabaqah Tilawatil Qur'an Belia Asia Tenggara Ke-8, 1439H/2017M selama tiga malam berturut-turut mulai 24, 25 dan 26 Oktober 2017.

Musabaqah Tilawatil Qur'an Belia Asia Tenggara yang merupakan *ownership* Kerajaan Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam adalah projek yang dianjurkan setiap dua tahun sekali dengan menjemput penyertaan belia-belia Islam yang berumur 18 hingga 30 tahun daripada negara-negara Rantau Asia Tenggara iaitu Kemboja, Republik Indonesia, Republik Demokratik Rakyat Lao, Malaysia, Republik Kesatuan Myanmar, Republik Filipina, Republik Singapura, Republik Sosialis Vietnam, Kerajaan Thailand dan Negara Brunei Darussalam selaku tuan rumah.

Musabaqah Tilawatil Qur'an Belia Asia Tenggara tahun ini merupakan edisi ke-8 sejak pertama kali ianya diadakan pada tahun 2000, kali kedua pada tahun 2003, ketiga pada tahun 2005, keempat pada tahun 2007, kelima pada tahun 2011, keenam pada tahun 2013 dan kali ketujuh pada tahun 2015.

Pada majlis tersebut, Duli Yang Teramat Mulia berkenan mengurniakan sabda Musabaqah Tilawatil Qur'an Belia Asia Tenggara Ke-8, 1439H/2017M.

Aturcara majlis diikuti dengan sembah alu-aluan oleh Yang Berhormat Pehin Datu Lailaraja Mejar Jeneral (B) Dato Paduka Seri Haji Awang Halbi bin Haji Mohd. Yussof, Menteri Kebudayaan, Belia dan Sukan selaku Penggerusi Jawatankuasa Tertinggi Musabaqah Tilawatil Qur'an Belia Asia Tenggara Ke-8, 1439H/2017M.

Seramai enam peserta telah memperdengarkan bacaan mereka pada malam pertama.

Musabaqah Tilawatil Qur'an Belia Asia Tenggara Ke-8, 1439H/2017M ditangguhkan ke malam kedua.

- Penyertaan :** Semua negara-negara ASEAN menyertai pada tahun ini dan buat julung kalinya, Kerajaan telah mengundang Republik Demokratik Timor Leste. Seramai 21 peserta qari dan qariah telah memperdengarkan bacaan masing-masing.



• **Rabu, 25 Oktober 2017 (Malam Kedua)**

- Hadir : Menteri-Menteri Kabinet dan Pembesar-Pembesar Negara.
- Keterangan/Aturcara: Musabaqah Tilawatil Qur'an Belia Asia Tenggara Ke-8, 1439H/2017M disambung bagi malam kedua.

Seramai 15 peserta qari dan qariah telah memperdengarkan bacaan mereka pada malam kedua.

Majlis pada malam itu juga telah menyaksikan persembahan tausyeh daripada Gabungan Kelab Komuniti Belia Transformasi, Pusat Belia dengan Kumpulan Az-Zayyan.

Musabaqah Tilawatil Qur'an Belia Asia Tenggara Ke-8, 1439H/2017M ditangguhkan ke malam ketiga.



- **Khamis, 26 Oktober 2017 (Malam Ketiga)**

Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan Haji Hassanal Bolkiah Mu'izzaddin Waddaulah ibni Al-Marhum Sultan Haji Omar 'Ali Saifuddien Sa'adul Khairi Waddien, Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam berkenan berangkat ke Majlis Pengurniaan Hadiah Musabaqah Tilawatil Qur'an Belia Asia Tenggara Ke-8, 1439H/2017M.

Berangkat sama ialah Duli Yang Teramat Mulia Paduka Seri Pengiran Muda Mahkota Pengiran Muda Haji Al-Muhtadee Billah, Menteri Kanan di Jabatan Perdana Menteri; Duli Yang Teramat Mulia Paduka Seri Pengiran Muda 'Abdul Malik dan Duli Yang Teramat Mulia Paduka Seri Pengiran Digadong Sahibul Mal Pengiran Muda Haji Jefri Bolkiah.

- **Keterangan/Aturcara:** Aturcara majlis dimulakan dengan sembah alu-aluan oleh Yang Berhormat Pehin Menteri Kebudayaan, Belia dan Sukan selaku Penggerusi Jawatankuasa Tertinggi Musabaqah Tilawatil Qur'an Belia Asia Tenggara Ke-8, 1439H/2017M.

Majlis seterusnya diikuti dengan Titah Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan Haji Hassanal Bolkiah Mu'izzaddin Waddaulah ibni Al-Marhum Sultan Haji Omar 'Ali Saifuddien Sa'adul Khairi Waddien, Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam.

Acara kemuncak majlis ialah pengumuman keputusan Musabaqah Tilawatil Qur'an Belia Asia Tenggara Ke-8, 1439H/2017M oleh Yang Mulia Awang Haji Abd Rajid bin Haji Mohd Salleh, Pemangku Pengarah Pusat Da'wah Islamiah, Kementerian Hal Ehwal Ugama selaku Penggerusi Jemaah Hakim.

Klip video pembacaan Al-Qur'an daripada qari dan qariah pada malam pertama dan kedua juga ditayangkan di majlis tersebut.

Qari dan qariah Negara Brunei Darussalam muncul johan kedua-dua kategori pada Musabaqah Tilawatil Quran Belia Asia Tenggara Ke-8, 1439 Hijrah/2017 Masihi.

Peserta qari belia negara, Awang Ahmad Zulwaqar bin Haji Suhaili berjaya mengutip markah 92.67 peratus sementara Dayangku Amal Zahira binti Pengiran Haji Jofri mengutip markah 86.17 peratus. Johan qari dan qariah menerima Piala Pusingan Kebawah Duli Yang Maha Mulia, wang tunai BND5,000 berserta hadiah irungan dan sijil penyertaan.

Sementara itu, naib johan qari dan qariah merupakan dari Republik Indonesia, iaitu Ilham Mahmuddin Murdan dengan kutipan markah 92.49 peratus dan Nurjannah Yosef Piliang dengan memperoleh markah 84.27 peratus. Manakala qari dan qariah dari negara Malaysia, iaitu Muhammad Qayyim Nizar bin Sarimi dengan kutipan markah 91.16 peratus dan Siti Syahirah binti Isa memperoleh markah 83.08 peratus menduduki tempat ketiga.

Naib johan menerima wang tunai BND4,000 berserta hadiah irungan dan sijil penyertaan dan tempat ketiga menerima wang tunai BND3,000 berserta hadiah irungan dan sijil penyertaan, manakala sagu hati menerima wang tunai sebanyak BND1,000, hadiah irungan dan sijil penyertaan.





## **22. PROGRAM PERTUKARAN BELIA DUA HALA NEGARA BRUNEI DARUSSALAM DAN REPUBLIK KOREA**

31 Oktober – 09 November 2017

- Keterangan : Program ini mula dilaksanakan pada tahun 2011 dan pada tahun ini merupakan kali ke-7 program ini diadakan pada 07 hingga 16 Ogos 2017 dimana rombongan Negara Brunei Darussalam telah membuat pertukaran lawatan ke Republik Korea.

Setakat ini, seramai 140 orang belia yang berumur diantara 18 hingga 30 tahun dari Negara Brunei Darussalam dan Republik Korea telah menyertai Program Pertukaran Belia Dua Hala Negara Brunei Darussalam dan Republik Korea.

Rombongan belia berkesempatan untuk hadir ke Majlis Resepsi Bersama Yang Berhormat Menteri Kebudayaan, Belia dan Sukan, termasuk membuat lawatan ke Pusat Belia Bandar Seri Begawan, Pusat Pembangunan Belia, Universiti Brunei Darussalam, Muzium Teknologi Melayu, Muzium Maritim, Bangunan Alat-Alat Kebesaran Diraja, Galeri Sukan, Sekolah Antarabangsa Brunei, Darussalam Enterprise (DARe), menyaksikan kemeriahinan Bandarku Ceria dan sebagainya termasuk menjalankan *homestay* di Daerah Tutong bersama keluarga angkat selama dua hari.

- Penyertaan : Sepuluh orang belia dari Republik Korea yang diketuai oleh Mr. Baek Hyeonseok, Pegawai dari *Ministry of Gender, Equality and Family*.





**23. LARIAN JUBLI EMAS**

Ahad, 12 November 2017

- Hadir : Yang Berhormat Pehin Menteri Kebudayaan, Belia dan Sukan dan Yang Berhormat Pehin Orang Kaya Seri Kerna Dato Seri Setia (Dr.) Haji Awang Abu Bakar bin Haji Apong, Menteri Hal Ehwal Dalam Negeri.
- Keterangan : Kementerian Kebudayaan, Belia dan Sukan telah menganjurkan Larian Jubli Emas yang pada utamanya untuk memeriahkan Sambutan Jubli Emas Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan Haji Hassanal Bolkiah Mu'izzaddin Waddaulah ibni Al-Marhum Sultan Haji Omar 'Ali Saifuddien Sa'adul Khairi Waddien, Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam Menaiki Takhta.

Larian Jubli Emas adalah pendekatan untuk rakyat dan penduduk negara ini meraffakkan kesyukuran dan merayakan Sambutan Jubli Emas Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan Haji Hassanal Bolkiah Mu'izzaddin Waddaulah ibni Al-Marhum Sultan Haji Omar 'Ali Saifuddien Sa'adul Khairi Waddien, Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam Menaiki Takhta melalui cabang sukan dan sekaligus menggalakkan masyarakat di negara ini mengamalkan cara hidup sihat dengan melibatkan diri dalam kegiatan sukan dan riadah secara berterusan serta memupuk perpaduan, persefahaman dan kerjasama di kalangan lapisan masyarakat demi pembangunan dan kemajuan sukan untuk negara. Aktiviti larian sememangnya menjadi kegemaran orang ramai yang dapat menyatukan pelbagai peringkat golongan dan lapisan masyarakat terutamanya belia dan beliawanis tanpa meninggalkan golongan orang tua dan kanak-kanak.

Acara larian yang bermula dan berakhir di Taman Haji Sir Muda Omar 'Ali Saifuddien di ibu negara ini telah dibahagikan kepada dua kategori iaitu Kategori Wanita Terbuka dan Kategori Lelaki Terbuka sejauh 10 kilometer dan Kategori *Fun Run* Terbuka dengan jarak 4 kilometer.

Juara bagi Kategori Lelaki Terbuka 10 kilometer ialah Younes Ammouta diikuti oleh Sefli Ahar di tempat kedua dan Haji Jubli bin Haji Pangip di tempat ketiga.

Manakala itu, Kategori Wanita Terbuka 10km pula dijurai oleh Leong Sheo Yee manakala itu, Dayang Siti Fatimah binti Mohammad dan Airincc Liam masing-masing memenangi tempat kedua dan ketiga.

- Penyertaan : Seramai 8081 orang telah mendaftar untuk menyertai Larian Jubli Emas di keempat-empat daerah. Penyertaan Daerah Brunei dan Muara seramai 6202 orang, Daerah Belait seramai 569 orang, Daerah Tutong seramai 941 orang dan Daerah Temburong seramai 369 orang.



## **24. PERLAWANAN PERSAHABATAN DI ANTARA BRUNEI DPMM FC DENGAN FC GOA**

Jumaat, 24 November 2017 (Stadium Negara Hassanal Bolkiah, Berakas)

Duli Yang Teramat Mulia Paduka Seri Pengiran Muda Mahkota Pengiran Muda Haji Al-Muhtadee Billah Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan Haji Hassanal Bolkiah Mu'izzaddin Waddaulah, Menteri Kanan di Jabatan Perdana Menteri berkenan berangkat menyaksikan Perlawanan Persahabatan di antara Brunei DPMM FC dengan FC GOA.

Berangkat sama ialah Duli Yang Teramat Mulia Paduka Seri Pengiran Muda 'Abdul Malik serta kerabat diraja yang lain dan Menteri Kebudayaan, Belia dan Sukan.

- Keterangan/Aturcara: Kementerian Kebudayaan, Belia dan Sukan dengan kerjasama Suruhanjaya Tinggi Republik India di Negara Brunei Darussalam telah menganjurkan Perlawanan Bolasepak Persahabatan di antara Brunei DPMM FC dengan FC GOA dari Republik India. Perlawanan persahabatan ini dianjurkan bersempena *Festival India* di Negara Brunei Darussalam, dan diselajurkan bersempena Sambutan Jubli Emas Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan Haji Hassanal Bolkiah Mu'izzaddin Waddaulah ibni Al-Marhum Sultan Haji Omar 'Ali Saifuddien Sa'adul Khairi Waddien, Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam Menaiki Takhta.

Di acara tersebut Duli Yang Teramat Mulia berkenan diperkenalkan kepada pasukan-pasukan FC GOA dan Brunei DPMM FC. Duli Yang Teramat Mulia juga berkenan menerima cenderamata pesambah daripada Ketua Pasukan FC GOA dan mengurniakan cenderamata kepada Pasukan FC GOA.

Duli Yang Teramat Mulia juga berkenan menerima pesambah yang disembahkan oleh Puan Yang Terutama Nagma M. Mallick, Pesuruhjaya Tinggi Republik India ke Negara Brunei Darussalam dan seterusnya berkenan mengurniakan cenderamata kepada Puan Yang Terutama Nagma M. Mallick, Pesuruhjaya Tinggi Republik India ke Negara Brunei Darussalam.

Sebelum perlawanannya dimulakan, Duli Yang Teramat Mulia telah dijunjung untuk bergambar ramai bersama kedua-dua pasukan.

Pasukan Brunei DPMM FC telah berjaya menumpaskan Pasukan FC GOA dengan jaringan 5 – 1 pada perlawanannya.

FC GOA merupakan kelab bolasepak profesional India yang berpangkalan di Goa, India dan pasukan tersebut bertanding dalam Liga Super India (ISL). Kelab tersebut dilancarkan pada bulan Ogos 2014. Mereka terdiri daripada 23 orang pemain dan 5 orang pegawai teknikal.

Perlawanannya di antara Brunei DPMM FC dan FC GOA merupakan acara yang diadakan di bawah Memorandum Persefahaman dalam kerjasama di bidang kebeliaan dan kesukuan (*Memorandum of Understanding on Cooperation in Youth and Sports Affairs*) yang telah dimeterai di antara Kerajaan Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam dan Kerajaan Republik India pada 2 Februari 2016 di Bandar Seri Begawan.

